



JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK



ISI

KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN
PERHUTANAN NEGERI PERAK

2023

03.

PERUTUSAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PERAK

08.

PERSPEKTIF JABATAN

10.

PERLEMBAGAAN, DASAR & UNDANG-UNDANG

15.

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

27.

CARTA ORGANISASI & UNIT

45.

PEJABAT HUTAN DAERAH

51.

PROFIL PERHUTANAN NEGERI

59.

PETUNJUK UTAMA

69.

IMBASAN 2023

97.

ARTIKEL 2023

125.

PERISTIWA 2023

143.

KERATAN AKHBAR 2023

153.

LAMPIRAN



PERUTUSAN PENGARAH

03

03

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera;
Salam Malaysia Madani;
Salam Perak Sejahtera 2030;

Negeri Perak merupakan negeri yang mempunyai banyak keunikan dan keindahan alam semula jadi seperti hutan, gunung, tasik, gua batu kapur dan keunikan budaya menjadi identiti warisan bagi negeri Perak. Kesemua khazanah berharga ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menjamin kelangsungan ekosistem alam yang amat berkait rapat dengan pembangunan sosioekonomi negara.

Hutan merupakan khazanah negara yang penting dalam menjamin kestabilan ekosistem dan amat berkait rapat dengan pembangunan sosioekonomi negara dan perlu diuruskan secara berkekalan. Kerajaan Negeri Perak komited dalam memajukan ekonomi berkonsep keseimbangan dalam memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan urus tadbir dalam amalan pengurusan hutan simpanan kekal (HSK) secara berkekalan seiring dengan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 dan Pelan Perak Sejahtera 2030. Pelan ini memanfaatkan segala sumber bagi memastikan pembangunan dapat direalisasikan demi kesejahteraan rakyat serta bagi mencapai 50 peratus keluasan negeri Perak dikekalkan sebagai kawasan berhutan dan menekankan kerjasama komuniti dalam membangunkan, menjaga dan memelihara keadaan fizikal dan persekitaran

Negeri Perak. Pelan ini juga selari matlamat di bawah *Sustainable Development Goals-SDG* yang ditetapkan terutama di bawah Matlamat 13: *Climate Action - Take urgent action to combat climate change and its impacts* dan Matlamat 15: *Life on Land* yang mana secara tidak langsung dapat mengurangkan kesan perubahan iklim Dunia dengan mengurangkan pelepasan gas rumah kaca atau *greenhouse gas emissions (GHG)*.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) bersama agensi-agensi teknikal lain, swasta, komuniti dan badan bukan Kerajaan (NGO) seperti WWF-Malaysia, Persatuan Pelindung Harimau Malaysia (RIMAU), Malaysian Nature Society (MNS), Tropical Rainforest Conservation and Research Centre (TRCRC) dan lain-lain sering memainkan peranan masing-masing dalam menyokong usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan berhutan khususnya HSK.



PENCAPAIAN

Pada tahun 2023, pelbagai usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan serta dan kejayaan telah dicapai JPNPK dalam menguruskan HSK secara berkekalan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Antara kejayaan tersebut adalah:

i.

PENINGKATAN PERATUSAN HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI PERAK

Peningkatan keluasan kawasan HSK di Negeri Perak seluas 2,682.87 hektar berbanding tahun sebelumnya dengan keluasan HSK tahun 2023 seluas 988,703.63 hektar. Keluasan ini juga telah mengekalkan Negeri Perak sebagai negeri yang mempunyai peratus keluasan HSK berbanding keluasan negeri yang tertinggi di Semenanjung Malaysia dengan peratusan sejumlah 47%.

ii.

PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN [MC&I (SFM)]

Pengekalan Pensijilan Pengurusan Hutan di bawah *Malaysia Criteria & Indicators for Sustainable Forest Management Certification [MC&I (SFM)]* yang telah membuktikan pengurusan sumber hutan di Negeri Perak mengikut amalan terbaik atau ‘Best Forest Practices’ yang selari dengan piawaian antarabangsa. Pensijilan ini juga telah diperluaskan kepada keluasan terbaharu seluas 988,700.88 hektar berbanding keluasan sebelumnya seluas 987,675.83 hektar.

iii.

PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 DI BAWAH SKOP PENGURUSAN PENGELOUARAN KAYU BULAT SECARA BERKEKALAN BAGI HUTAN DARAT ASLI DI HUTAN SIMPANAN KEKAL

Pengekalan pensijilan MS ISO 9001:2015 di bawah skop Pengurusan Pengeluaran Kayu Bulat Secara Berkekalan Bagi Hutan Darat Asli Di Hutan Simpanan Kekal sehingga Julai 2025.

iv.

PENCAPAIAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA MELALUI KEMEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK TAHUN 2023

Sepanjang 3 tahun pelaksanaan program ini bermula tahun 2021, sejumlah 7.28 juta pokok telah berjaya ditanam di seluruh Negeri Perak. Jumlah itu jauh melebihi sasaran ditetapkan Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak 6 juta pokok.

v.

PELAKSANAAN OPERASI BERSEPADU TAHUN 2023

JPNPk sering melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di dalam HSK secara jabatan dan bersama jabatan lain dan Badan Bukan Kerajaan demi menjamin kelestarian hutan Negeri Perak. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 7 Operasi Bersepadu telah dilaksanakan berbanding 6 operasi pada tahun sebelumnya.

Antara kejayaan terbesar Operasi Bersepadu yang dilaksanakan adalah operasi melibatkan pelombongan haram Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif atau NR-REE di Hutan Simpan Bintang Hijau, Daerah Hulu Perak. Operasi ini telah berjaya menangkap seramai 27 orang yang mana melibatkan 18 warga asing dan 9 warga tempatan dan telah menyita barang kes dengan nilai rampasan sejumlah RM1.72 juta.

vii.

KOLABORASI PENGUATKUASAAN BERSAMA BADAN BUKAN KERAJAAN

Satu perjanjian Kerajaan Negeri Perak Bersama Persatuan Pelindung Harimau Malaysia (RIMAU) telah ditandatangani pada 27 Februari 2023 bagi melaksanakan Projek Penguatkuasaan dan Pemeliharaan Biodiversiti di Hutan Simpan Amanjaya yang merupakan habitat utama bagi Harimau Malaya.

vi.

MENGKLASIFIKASIKAN HUTAN SIMPAN AMANJAYA SEBAGAI ‘HUTAN PERLINDUNGAN BAGI HIDUPAN LIAR’

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Bil. 2096 bertarikh 1 Mac 2023 telah meluluskan pengelasan fungsi Hutan Simpan Amanjaya sebagai ‘Hutan Perlindungan bagi Hidupan Liar’ di bawah Seksyen 10 (1) (f), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian 1985).

viii.

KUTIPAN HASIL TAHUN 2023

JPNPk telah berjaya menyumbang hasil sebanyak RM50,676,421.20 bersamaan 100.06% daripada sasaran yang ditetapkan sebanyak RM50.6 juta kepada Kerajaan Negeri Perak. Justeru itu, JPNPk telah menerima Sijil Penghargaan Bagi Pencapaian Hasil 100% oleh YB Pegawai Kewangan Negeri pada 6 Mei 2024.

ix.

PERBELANJAAN PERUNTUKAN TAHUN 2023

Sepanjang tahun 2023, JPNPk telah menerima peruntukan sebanyak RM59.5 juta dan telah berjaya membelanjakan sebanyak RM55.6 juta (93.5%).

Saya mewakili pihak Pengurusan Tertinggi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja JPNPk di atas sumbangan dalam mencapai kejayaan pencapaian JPNPk pada tahun 2023. Saya mengharapkan agar liku-liku yang telah dilalui sepanjang tahun 2023 seharusnya menjadi teladan dan pedoman untuk mendepani masa hadapan. JPNPk akan terus komited melaksanakan amalan pengurusan hutan secara berkekalan. Kita tidak mahu mewariskan kepada generasi akan datang alam sekeliling yang semakin musnah yang bakal mendatangkan pelbagai bentuk bencana alam.

HARAPAN

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam (NRES) sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Kerajaan Negeri Perak, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan yang lain, badan berkanun, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), badan bukan kerajaan (NGO), pelajar dan orang awam yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bersama JPNPk dalam mencapai kejayaan pada tahun 2023.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat sifat Rahman dan Rahim-Nya juga dapat kita membukukan pencapaian dan kejayaan JPNPk di dalam Laporan Tahunan 2023 JPNPk ini. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga sidang redaksi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas bakti cemerlang pada tahun 2023 sehingga terhasilnya Laporan Tahunan 2023 dan selanjutnya memenuhi kewajipan Pengarah Perhutanan Negeri seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4(f) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Saya yakin dengan data dan fakta yang didokumentasikan di dalam Laporan Tahunan ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian Jabatan setiap tahun. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan perlulah dikekalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.



DATO' MOHD BASRI BIN ABDUL MANAF

Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

PERSPEKTIF JABATAN

Menjadi agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

WAWASAN



MISI

Untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosio ekonomi negara.



OBJEKTIF

1. Untuk menguruskan sumber hutan secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil yang berkekalan dan perkhidmatan hutan serta penggunannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.
2. Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.
3. Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.
4. Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaiannya hayati hutan, air dan tanah, dan penggunaannya secara berkekalan.
5. Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambah aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.
6. Untuk memperkuatkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong Perhutanan.
7. Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta pemeliharaan melalui pembelajaran.
8. Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.



PIAGAM PELANGGAN

- Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasas kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- Lesen-lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi.
- Lesen untuk menjalankan kilang berasas kayu akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.
- Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasas kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.
- Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) hari dan dijawab di dalam tempoh masa tujuh (7) hari bekerja.
- Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap masa.

PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG



PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Bidang Perhutanan merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri kerana disebut dalam Senarai Negeri yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Fasal (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundungan sesuatu Negeri boleh membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.

Di bawah peruntukan ini, Badan Perundungan sesuatu Negeri boleh membuat dan menerima pakai sesuatu undang-undang dan peraturan bagi mentadbir dan menguruskan hal-hal perhutanan di dalam negeri berkenaan. Kerajaan Persekutuan hanya memberi nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri, penyelenggaraan stesen-stesen percubaan dan demonstrasi, latihan dan penyelidikan.

DASAR PERHUTANAN MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah negara tropika yang meliputi kawasan seluas kira-kira 33 juta hektar, yang terdiri dari tiga wilayah; Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Malaysia mengiktiraf sumber hutan semula jadi sebagai sumber yang penting dan berharga dalam menyumbang kepada sosioekonomi negara dan kesejahteraan alam sekitar. Sehingga kini, kita masih mengekalkan komitmen yang dibuat semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992, untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok. Ini termasuk hutan simpanan kekal/ hutan simpan/ hutan kekal/ hutan tanah kerajaan dan kawasan-kawasan perlindungan.

Dasar Perhutanan Malaysia (DPM) telah digubal dengan mengambil kira aspek utama ketiga-tiga polisi perhutanan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kenyataan, Rasional dan Objektif Dasar dalam DPM adalah bersifat umum dan menjadi rujukan serta panduan bagi ketiga-tiga wilayah dalam menggubal dasar dan strategi di wilayah masing-masing. Penggubalan DPM hasil rundingan dan konsultasi ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak tahun 2016. Penilaian dan semakan semula dasar perhutanan serta perundangan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa undang-undang dan dasar adalah selaras dengan perkembangan terkini dalam pengurusan hutan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah 2018, Sarawak Forest Policy 2019 dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) yang memberi tumpuan kepada pengukuhan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan akan menjadi sebahagian daripada DPM 2020.

DPM diterima dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-78 (MTN). Sebelum itu, DPM dan DPSM telah disembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 10 November 2020. Baginda telah perkenankan supaya cadangan DPM dan DPSM 2020 ini diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perak Darul Ridzuan untuk pertimbangan dan kelulusan supaya kedua-dua dasar ini dibincang dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara. MMKN Bil. 2010 bertarikh 23 Disember 2020 telah bersetuju dan mengesahkan DPM dan DPSM pada 6 Januari 2021.

MAJLIS TANAH NEGARA

Majlis Tanah Negara (MTN) diwujudkan di bawah Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan. Menjadi kewajipan MTN untuk membentuk, dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Majlis Kewangan Negara suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri boleh berunding dengan MTN yang bertindak sebagai penasihat berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan dengan penggunaan tanah atau perundangan yang dicadangkan mengenai pentadbiran tanah.

DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM) bertujuan membantu pihak Kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik, institusi penyelidikan, sektor swasta dan masyarakat dalam merealisasikan strategik yang dirangka bagi mencapai setiap objektif DPSM kepada pelan tindakan. Strategi dan pelan tindakan telah dirangka bagi menangani masalah dan perkara berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber hutan pada masa kini. Penekanan adalah untuk menstruktur program kerja yang akan memperkasa tadbir urus sedia ada, menangani jurang dan kekangan yang wujud. Pengurusan sumber hutan akan dijadikan keutamaan dengan memberi penekanan kepada keseragaman perundangan, garis panduan dan prosedur operasi standard yang mengawal piawaian dan amalan serta memperkuuh dan menambah baik pengetahuan dan teknologi sedia ada.

Penggubalan DPSM merangkumi aspek-aspek pengurusan hutan secara berkekalan, pemuliharaan dan perlindungan kepelbagaiannya biologi dan perkhidmatan ekosistem hutan, mitigasi dan adaptasi kesan perubahan iklim, memperkasa penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian maklumat.

MTN bersetuju dengan DPSM bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung.

UNDANG-UNDANG

I. Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]

Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] adalah suatu undang-undang yang diperbuat di bawah perenggan (b) Fasal (1) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan bagi maksud menentukan persamaan undang-undang bagi Negeri di Malaysia berkenaan pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan dan pembangunan perhutanan di Malaysia. Akta Perhutanan Negara 1984 ini juga adalah bertujuan bagi menggalakkan keseragaman undang-undang antara Negeri. Akta Perhutanan Negara 1984 ini telah mendapat perkenan Diraja pada 24 Disember 1984 dan diwartakan pada 31 Disember 1984. Akta Perhutanan Negara 1984 ini telah diterima pakai bagi pemakaianya di Negeri Perak Darul Ridzuan dengan dinamakan sebagai Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [Enakmen Bil. 3 tahun 1985] dan diwartakan pada 26 Disember 1985.

II. Kaedah-Kaedah Hutan 1988

Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [Pk. P.U. 39/1989] adalah suatu kaedah-kaedah yang dibuat untuk menetapkan prosedur pelaksanaan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 bagi menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 111 Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Kaedah-Kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 21 Disember 1989 dan mula berkuat kuasa mulai 22 Disember 1989.

III. Enakmen Industri Berasas Kayu 1987

Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 [Enakmen Bil. 3 tahun 1987] adalah suatu Enakmen yang digubal berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1984 [Akta 314] yang memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan penubuhan dan pengendalian industri berasas kayu. Enakmen ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 30 Julai 1987 dan mula berkuat kuasa mulai 1 Mac 1990.

IV. Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990

Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990 [Pk. P.U. 7/1990] adalah suatu kaedah-kaedah yang dibuat bagi menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 28 Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-Kaedah ini dibuat untuk menetapkan prosedur pelaksanaan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kaedah-kaedah ini telah diwartakan dalam pemberitahuan Warta Kerajaan Negeri Perak pada 15 Mac 1990 dan mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 1990.

V. Dasar / Undang-undang / Dokumen Yang Berkaitan Berdasarkan Keperluan Kriteria Dan Petunjuk Malaysia Untuk Pengurusan Hutan Mampan (MC&I SFM)

Pengurusan hutan perlu mematuhi semua undang-undang yang berkaitan di Malaysia dan menghormati perjanjian-perjanjian serta persetujuan-persetujuan antarabangsa yang telah ditandatangani oleh Malaysia, dan mematuhi kesemua keperluan-keperluan pentadbiran yang berkaitan.

Undang-Undang Persekutuan

- Perlembagaan Persekutuan
- Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]
- Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]
 - termasuk keputusan-keputusan Mahkamah Sivil yang berkaitan
- Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795]
- Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678]
- Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452]
- Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]
- Peraturan-Peraturan (Am) – Keselamatan Sosial Pekerja 1971
- Akta Kerja 1955 [Akta 265]
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]
 - Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 2015 [P.U. (A) 195/2015]
 - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 [P.U. (A) 140/1989]
 - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [P.U. (A) 294/2005]
- Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139]
- Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]
- Akta Imigresen 1959/1663 [Akta 155]
- Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]
- Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686]
- Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385]
- Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]
- Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]
- Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [Akta 753]
- Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 828]
- Akta Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732]
 - Perintah Gaji Minimum 2020 [P.U. (A) 5/2020]
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]
- Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149]
- Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167]
- Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262]
- Akta Air 1920 [Akta 418]
- Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]
- Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
- Akta Pampasan Pekerja 1952 [Akta 273]

Undang-Undang Negeri

- Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [Enakmen Bil. 3 tahun 1985]
 - Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [Pk. P.U. 39/1989]
 - Kaedah-Kaedah Hutan Tadahan Air (Perak) 2010 [Pk. P.U. 47/2010]
- Enakmen Industri Berasakan Kayu 1987 [Perak Bil. 3 tahun 1987]
- Kaedah-Kaedah Industri Berasakan Kayu 1990 [Pk. P.U. 7/1990]
- Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak 2001 [Enakmen 10 tahun 2001]

Dasar / Garis Panduan

- Kod Kelakuan bagi Keharmonian Perusahaan, 1975
- Manual Perhutanan 2003
- Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan
- Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan
- Dasar Perhutanan Malaysia
- Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia
- Rancangan Fizikal Negara-3, 2015
 - *Central Forest Spine Master Plan*
- Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan, 2016-2025
- Dasar Perubahan Iklim Negara, 2009
- Dasar Alam Sekitar Negara, 2002
- Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan, 2008-2020
- Dasar Sumber Air Negara, 2012



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN



DIREKTORAT



Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf

Pengarah Perhutanan Negeri



Othman bin Deris

Timbalan Pengarah (Pembangunan)

15.10.2023 - Kini



Siti Dessyma binti Isnani

Timbalan Pengarah (Pembangunan)

1.8.2019 - 15.10.2023



Azni Rahman bin A.Wahid

Timbalan Pengarah (Operasi)



Ketua Penolong Pengarah



**Norzalyta binti
Mohd Ghazali**

Ketua Penolong Pengarah
(Penguatkuasaan Hutan)



Azhar bin Anuar

Ketua Penolong Pengarah
(Perancangan &
Pengurusan Hutan)



**Muhamad Uzir bin Mohd
Tahir**

Ketua Penolong Pengarah
(Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Sumber
Manusia)



**'Azmi bin
Mohd Zain**

Ketua Penolong Pengarah
(Silvikultur & Kepelbagai
Biologi Hutan)

Pegawai Undang-undang



**Phulrani Kaur a/p
Gurcharon Singh**

Pegawai Undang-undang

Pegawai Kanan



**Mohamad Farhan bin
Sukiman**

Penolong Pengarah
(Ladang Hutan dan
Inovasi)



**Norlida binti
Kamil**

Penolong Pengarah
(Perancangan dan
Pengurusan Hutan)



**Amar Hasrizal bin
Samsudin**

Penolong Pengarah
(Hasil Bukan Kayu &
Latihan)



Nurul Naim binti Jamry

Penolong Pengarah
(Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Sumber
Manusia)



Pegawai Kanan



**Halimatul Saadiah binti
Muhammad Daud**

Penolong Pengarah
Penguatkuasaan
(Siasatan)



**Khairul Nizam bin
Mohamed**

Penolong Pengarah
(Perindustrian dan
Pengusahaan Hutan)



**Muhammad Asyraf bin
Zainul**

Penolong Pengarah
(Hutan Lipur dan Eko
Pelancongan)



Afiqah binti Abd Rahim

Penolong Pengarah
(Operasi)



**Mior Hizran Yusoff bin Hj.
Mior Ismail**

Penolong Jurutera Kanan

search Q

folder 1

folder 2

folder 3

folder 4



Pegawai Hutan Daerah

Mohd Shukri bin Mohd Alip

Pegawai Hutan Daerah
Hulu Perak

Khairil bin Sarip

Pegawai Hutan Daerah Larut dan Matang

Loading....



Mohd Hafiz bin Samsudin

Pegawai Hutan Daerah Kuala Kangsar



Azqan Dalila binti Ahmad Tajudin



**Khairul Na'im bin
Ya'akub**
egawai Hutan Daerah
Perak Selatan



Penolong Pegawai Hutan Daerah



**Mohd Faiz bin
Kamaruzzaman**

Penolong Pegawai Hutan
Daerah I Hulu Perak



**Muhammad Shahrul
Anuar bin Hasani**

Penolong Pegawai Hutan
Daerah II Hulu Perak



**Hamzah bin
Mohd Isa**

Penolong Pegawai Hutan
Daerah Larut dan Matang
(Laut)



**Ahmad Nazeri bin
Shahabuddin**

Penolong Pegawai Hutan
Daerah Larut dan Matang
(Darat)



**Khairullah bin
Abd Latiff**

Penolong Pegawai Hutan
Daerah Kuala Kangsar



**Khairulrizal bin Abu
Kasim**

Penolong Pegawai Hutan
Daerah Kinta/Manjung



**Mis Maizura binti Amat
Kaulan**

Penolong Pegawai Hutan
Daerah Perak Selatan

search



folder 1



folder 2



folder 3



folder 4



Penolong Pegawai



Murni binti Samsuddin

Penolong Pegawai
(Silvikultur dan
Kepelbagaian Biologi)



Loo Hon Thung

Penolong Pegawai
Teknologi Maklumat
(Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Sumber
Manusia)



**Haslini Zarina binti
Hassan**

Setiausaha Pejabat
(Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Sumber
Manusia)



**Hanani binti
Abdul Rahman**

Penolong Akauntan
(Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Sumber
Manusia)



**Noor Jumaatun binti Mat
Daud**

Penolong Pegawai Tadbir
(Bahagian Khidmat
Pengurusan dan Sumber
Manusia)



**Tinarossima binti
Badiauzaman**

Penolong Pegawai
(Hasil Bukan Kayu dan
Latihan)



Nurul Iezzati Mohd Alias

Penolong Pegawai
(Hasil Bukan Kayu dan
Latihan)



**Nurul Ain binti
Saharuddin**

Penolong Pegawai
(Perancangan dan
Pengurusan Hutan)



**Nihayatul Nabilah binti
Sabri**

Penolong Pegawai
(Ladang Hutan dan
Inovasi)



**Ahmad Nazeem bin
Ahmad Nazari**

Penolong Pegawai
(Perancangan dan
Pengurusan Hutan)



Penolong Pegawai



Donald Gabriel Guakin

Penolong Pegawai
Penguatkuasaan
(Siasatan)



**Roshda binti
Udzir**

Penolong Pegawai
Undang-undang



**Mohd Faizul bin Baharin
@ Baharudin**

Penolong Jurutera Awam



Rozana binti Baharuddin

Penolong Jurutera Awam



Shanti a/p Subramaniam

Penolong Jurutera Awam



**Iwan Mohamad Faisal bin
Hamidi**

Penolong Jurutera Awam



**Jastiny Aima binti
Jamaluddin**

Penolong Jurutera Awam



**Mohd Risham bin Abdul
Rahim**

Penolong Jurutera
Mekanikal



**Nursyafira Ain binti
Ahmad**

Penolong Pegawai
(Perindustrian dan
Pengusahaan Hutan)



**Baizueliza binti
Bostamam**

Penolong Pegawai
(Perindustrian dan
Pengusahaan Hutan)



**Nor Afida binti
Mohamed**

Penolong Pegawai
Penguatkuasaan
(Siasatan)



Penolong Pegawai



Sofia binti Lias

Penolong Pegawai
(Silvikultur dan
Kepelbagaian Biologi)



**Nur Aulia Sadida binti
Rosnan**

Penolong Pegawai
(Hutan Lipur dan Eko
Pelancongan)



**Muhammad Hariz bin
Azaini**

Penolong Pegawai
Teknologi Maklumat

Penolong Pemelihara Hutan (Ibu Pejabat)



Syaril Izzat bin Ramli

Penolong Pemelihara
Hutan (Ladang Hutan dan
Inovasi)




**Mohd Fauzi bin Mohd
Hassan**

Penolong Pemelihara
Hutan (Penguatkuasaan
Hutan)



Zuraini binti Sarudin

Penolong Pemelihara
Hutan (Hasil Bukan Kayu
dan Latihan)



Siti Aisyah binti Yaacob

Penolong Pemelihara
Hutan (Penguatkuasaan
Hutan)

Loading



**Nurul Addenin binti
Rahman**

Penolong Pemelihara
Hutan (Perindustrian dan
Pengusahasilan Hutan)



**Muhammad Qayyum bin
Muhamad Suhaimi**

Penolong Pemelihara
Hutan (Hutan Lipur dan Eko
Pelancongan)



Penolong Pemelihara Hutan (Hulu Perak)



Hilmi bin Hamad

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Pengkalan
Hulu)



**Muhammad Suhaimi bin
Abd. Majid**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Lawin)



Ismail bin Hassim

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Gerik)

search



folder 1



folder 2



folder 3



folder 4



**Norbaizura binti
Aris**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Lenggong)



**Hadil Aza bin
Turidi**

Penolong Pemelihara Hutan
Hutan (Renj Bandariang)



Penolong Pemelihara Hutan (Lerut dan Matang)



Mohamad Rosli bin Yusof

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Taiping)



**Mohamad Syazmel bin
Abd Rashid**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Trong)



**Muhammad Farhan
Najmi bin Mohd Ibrahim**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Sg. Segah)



Shuhada binti Saribon

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Kuala
Sepetang)



Penolong Pemelihara Hutan (Kuala Kangsar)



**Mohamed Abdul Ghazi
bin Mohamad Zin**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Sg. Siput)



**Hasrizal bin
Hussin**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Manong)



**Mohd Salleh bin
Kamaruddin**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Lasah)



**Mohd Merzuki bin Mat
Salleh**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Kuala
Kangsar)

Penolong Pemelihara Hutan (Kinta/Menjung)



**Shaier Shah bin Mohd
Mukhtar**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Beruas)



Mohd Jamil bin Yusop

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Batu Gajah
Selatan)



Ahmad Zamri bin Mat Isa

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Batu Gajah
Utara)

Penolong Pemelihara Hutan (Perak Selatan)



**Mohd Fakhri bin Mat
Radzi**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Bidor)



**Nur A'in binti Chek
Mustafa**

Penolong Pemelihara
Hutan (Renj Slim River)

Loading....



Penolong Jurutera Daerah



Samsul Rizal bin Idris

Penolong Jurutera
PHD Hulu Perak



**Noor Ikhmar binti
Mohamad Mahyuddin**

Penolong Jurutera
PHD Larut Matang



**Kamal Hakimi bin
Muhammad**

Penolong Jurutera
PHD Kuala Kangsar

search



folder 1



folder 2



folder 3



folder 4



**Hafiz Hasman bin
Jamaluddin**


Penolong Jurutera
PHD Perak Selatan



CARTA ORGANISASI DAN UNIT



CARTA ORGANISASI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK





Pengarah Perhutanan Negeri
Gred G54

Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
DAN SUMBER MANUSIA**



Ketua Penolong Pengarah
Gred M48
Muhamad Uzir
bin Mohd Tahir



Penolong Pengarah
Gred M41/44
Nurul Naim binti Jamry



Pembantu Setiausaha
Pejabat Gred N19/22/29
Haslini Zarina
binti Hassan

**SEKSYEN SILVIKULTUR DAN
KEPELBAGAIAN BIOLOGI**



Ketua Penolong Pengarah
Gred G48
'Azmi bin Mohd Zain

**SEKSYEN PERANCANGAN DAN
PENGURUSAN HUTAN**



Ketua Penolong Pengarah
Gred G48
Azhar bin Anuar



Penolong Pengarah
Gred G41/44
Norlida binti Kamil

SEKSYEN PERUNDANGAN



Pegawai Undang-Undang
Gred L41/44
Phulrani Kaur a/p
Gurcharon Singh

**SEKSYEN LADANG HUTAN
DAN INOVASI**



Penolong Pengarah
Gred G41/44
Mohamad Farhan
bin Sukiman

**SEKSYEN HASIL BUKAN
KAYU DAN LATIHAN**



Penolong Pengarah
Gred G41/44
Amar Hasrizal
bin Samsudin

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN dan SUMBER MANUSIA

Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal pentadbiran, sumber manusia, kewangan, hasil dan pengurusan ICT Jabatan Perhutanan Negeri Perak.



MUHAMAD UZIR BIN MOHD TAHIR
Ketua Penolong Pengarah

Pentadbiran Am:

Menyelaras urusan keselamatan dokumen, fizikal, peribadi dan rekod bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Menguruskan urusan surat menyurat, urusan perjalanan fail termasuk pembukaan dan penutupan fail.

- Mengendali segala aspek pengurusan pentadbiran bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
- Menyokong pelaksanaan pelbagai program perhutanan yang dianjurkan oleh jabatan dalam usaha memantapkan operasi dan penguatkuasaan hutan, perancangan, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan hutan.



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Nurul Naim binti Jamry, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir dan Noor Jumaatun binti Mat Daud

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Nurr Watul Ain binti Zampa, Mahanom binti Mior Arbi, Siti Syafiqah binti Sulaiman, Nurnadirah binti Ahmad Sofian, Aleya Batrisya binti Abdul Razak, Haslini Zarina binti Hassan, Nur Fazila binti Elias, Azlin binti Ismail, Fatin Amira binti Kamaruddin, Nur Faiza binti Ghazali, Zaitul Bahti binti Abdul Rahman, Norshakirah binti Ahmad Shukri, Azrina binti Mohammed Nasir dan Natasha binti Ahmad Nazri

BARISAN KETIGA DARI KIRI:

Yusri bin Yahya, Fizairi bin Razali, Ibrahim bin Said, Muhamad Sofian bin Omar, Muhamad Aliff Ashraf bin Abdul Rapar, Mohd Khairul Amilin bin Mohd Zanzali, Mohamed Fadzail bin Mohamed Isa, Muhamad Najib bin Mohd Nawi dan Mohamad Jeffri bin Abd Manaf

TIADA DALAM GAMBAR:

Putri Noor Shuhaidah binti Megat Mohd Ghazali, Nurul Syakeena binti Hamul'allah, Devika a/p Sivasubramaniam, Ridhwan bin Sulaiman, Muhammad Hafizzuddin bin Mahamood dan Norqhuzaimiey bin Ramli

Unit Hasil:

- Pengurusan Sumber Manusia berhubung perjawatan, rekod cuti, tatatertib dan perkhidmatan Kakitangan di Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
- Mempertingkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pegawai dan Kakitangan melalui program latihan umum melibatkan perkhidmatan



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Nurul Naim binti Jamry, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir dan Muhamad Firdaus bin Ibrahim

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Hanani binti Abdul Rahman, Norlizawati binti Mohd Ali, Norul Azian binti Md Amran, Noor Haziqah binti Hamdan, Nur Atirah binti Mohamad Samri dan Nor Baharudin bin Zahir

TIADA DALAM GAMBAR:

Salmah binti Samsudin, Noorazlinda binti Nordin, Nabilah Fasha binti Satar, Nurul Hidayah binti Nordin, Nur Sahira binti Muhamad Ammar dan Suhaimi bin Zainuddin

Unit Kewangan:

Menguruskan peruntukan Mengurus (B25), Pembangunan (P05), Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Negeri Perak (KWP), Perbelanjaan Negeri (P08), Perbelanjaan Pembangunan Persekutuan (P23), Perbelanjaan Mengurus Persekutuan (B23) dan Perbelanjaan Persekutuan (B11)

- Penyediaan anggaran belanjawan tahunan, gaji, elaun-elaun, projek pembangunan, pembelian barang-barang dan perkhidmatan serta pembayaran tuntutan kewangan.



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Mohammad Azizul Fikri bin Zulkifli, Nurul Fatinah Auni binti Ramli dan Zulfikry bin Osman

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Hanani binti Abdul Rahman, Noor Hidayah binti Abd Wahab, Nurul Naim binti Jamry, Rahmah binti Zakaria, Wan Noor Asyikin binti Anuar, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Vatsala a/p Maria Chelvam dan Maizatul Fadtihah binti Nasrul

Unit Teknologi Maklumat (It):

- Mengendali penyelenggaraan peralatan ICT, mengurus perisian-perisian aplikasi dan kemudahan, pengurusan laman web jabatan, bantuan teknikal pengemaskinian data dan hal-hal lain yang berkaitan.



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Nurul Naim binti Jamry dan Muhamad Uzir bin Mohd Tahir

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Muhamad Firdaus bin Sulaiman, Loo Hon Thung, Mohd Hezly bin Mustafa, Syaful Izwan bin Mohammad Mujab dan Muhammad Hariz bin Azaini

SEKSYEN PERANCANGAN dan PENGURUSAN HUTAN

Seksyen ini bertanggungjawab mengurus kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) secara sistematik dengan merekod pewartaan hutan sama ada pewartaan masuk dan pemansuhan HSK, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Sumber Hutan seperti mencuci dan menanda sempadan luar HSK dan Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F) bagi mencapai matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.



AZHAR BIN ANUAR
Ketua Penolong Pengarah

Aktiviti lain adalah merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pembangunan Hutan Asli bagi memelihara hutan semulajadi untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan seperti Hutan Simpanan Hutan Dara.

Seksyen ini turut bertanggungjawab dalam merancang dan menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH), Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKH) dan menyelaras penyediaan Rancangan Tahunan Hutan Perak di setiap daerah pentadbiran hutan bagi Negeri Perak. Di samping itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk menyelaras penubuhan dan perkembangan petak-petak kajian serta menyelaras pelaksanaan kriteria dan petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia (MC&I SFM) bagi FMU Perak.

Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan Projek Central Forest Spine (CFS) di Negeri Perak seperti yang diterjemahkan di dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN).



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Nur Afiqah binti Mohd Isa, Yuzairin binti Yusop, Norlida binti Kamil, Noor Aliza binti Mohd Nordin, Azhar bin Anuar dan Nurul Ain binti Saharuddin

BARISAN KEDUA DARI KIRI:


Muhamad Sayfuan bin Mohd Suhaimin, Mohamad Hazmi bin Abdullah Zabir, Shahrulnizam bin Rosdi, Noor Asmizul bin Razak, Mohd Azlan bin Tarbian, Mirzanizam bin Mazlan, Ismail bin Ishar dan Siti Norjiha binti Ahmad

BARISAN KETIGA DARI KIRI:

Mohamad Hazraf bin Abdul Halim, Muhammad Shahril bin Mohd Baseri, Ahmad Nazeem bin Ahmad Nazari, Hamzah bin Mohd Isa, Muhammad Nasrul Affandi bin Muhd Taufiq, Mohamed Nizam bin Mohamed Nazir, Abdul Razak bin Mat Isa dan Syed Huzaili bin Syed Husin

SEKSYEN SILVIKULTUR dan KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi memainkan peranan dalam menyelaras pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemulihian kawasan hutan melalui pelaksanaan aktiviti rawatan silvikultur di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Pelaksanaan aktiviti tersebut dipraktikkan bagi memastikan dirian hutan terpulih dan dipelihara. Selain aktiviti utama tersebut, Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi di JPNPK turut berperanan dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti di bawah Program Pembangunan Hutan Asli, Program Perhutanan Masyarakat, Projek Pembangunan Tapak Semaian serta Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara.



'AZMI BIN MOHD ZAIN'
Ketua Penolong Pengarah



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Azalanazllay bin Mohd Sarif, Norwati binti Sidek, Noor Asihkeen binti Ahmed Tajudin, Mohammad Khairul Nizam bin Shaari, 'Azmi bin Mohd Zain, Mohamad Rizal bin Md Yusof, Mohamad Nor Adhzre bin Mustam dan Murshidi bin Musa

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Sofia binti Lias, Mohd Yasrul Shahrin bin Yusop Baseri dan Muhammad Syakir bin Ahmad

TIADA DALAM GAMBAR:

Murni binti Samsuddin, Muhamad Zuraid bin Abu Hassan, Muhammad Awis bin Hussain dan Muhammad Hisyam bin Tajuddin

SEKSYEN PENGUATKUASAAN HUTAN

Secara amnya, seksyen ini bertanggungjawab untuk memantau dan membanteras kes kesalahan hutan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), kawasan kelulusan lesen, permit penggunaan, premis Industri Berasaskan Kayu (IBK) dan juga semasa pemindahan hasil hutan (semakan dalam transit) dengan menguatkuasakan Enakmen Akta Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985, Kaedah-Kaedah Hutan (KKH) 1988, Enakmen Industri Berasaskan Kayu (EIBK) 1987 dan Kaedah-Kaedah Industri Berasaskan Kayu (KKIBK) 1990.



NORZALYTA BINTI MOHD GHAZALI
Ketua Penolong Pengarah

Secara khususnya, seksyen ini bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi :

- Menyelaras operasi penguatkuasaan di dalam HSK;
- Menyelaras operasi penguatkuasaan hasil hutan dalam transit melalui rondaan dan sekatan jalan raya;
- Menjalankan aktiviti pemeriksaan di Balai Pemeriksaan Hutan (BPH);
- Menyelaras aktiviti pemeriksaan IBK;
- Menyelaras semakan dan tindakan susulan terhadap aduan kes-kes kesalahan hutan;
- Menyelaras maklumat aktiviti penguatkuasaan dan kesalahan hutan daerah-daerah untuk penyediaan Laporan Bulanan Pemantauan / Penguatkuasaan Hutan;
- Menyelaras proses perlesenan pengusahaan hutan di Hutan Simpanan Kekal, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik;
- Menyelaras kolaborasi strategik dengan agensi luar dalam bidang penguatkuasaan.



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Siti Aisyah binti Yaacob, Norzalyta binti Mohd Ghazali, Norfamiza binti Mohamad Sharif dan Afiqah binti Abd Rahim.

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Muhammad Fazrul Nizar bin Abdullah Sani, Khirudin bin Shamsudin, Mohd Fauzi bin Mohd Hassan, Jamil Khr bin Hashim, Mohd Hassanal Adzrin bin Zahari, Azril bin Ramlee, Abdul Razak bin Abd Karim dan Mat Radi bin Hamid.

TIADA DALAM GAMBAR :

Nandini a/p V.neru

SEKSYEN PENGUATKUASAAN SIASATAN

Seksyen ini bertanggungjawab melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti siasatan dan pendakwaan di mahkamah bagi kes kesalahan hutan.

Seksyen ini juga memberi khidmat nasihat dan bantuan teknikal berkaitan siasatan kepada Pegawai Penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri Perak selaras dengan peruntukan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian 1985) dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 serta undang-undang yang sedang berkuatkuasa.



**HALIMATUL SAADIAH
BINTI MUHAMMAD DAUD**
Penolong Pengarah



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Halimatul Saadiah binti Muhammad Daud

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Noriszatul Akma binti Harun Arishid, Donald Gabriel Guakin dan Nor Afida binti Mohamed

***TIADA DALAM GAMBAR:**

Badrulhadi bin Shaaruddin

SEKSYEN PERUNDANGAN

Seksyen Perundangan bertanggungjawab dalam aspek perundangan dan pendakwaan yang dirujuk oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi menguatkuasakan undang-undang perhutanan. Tanggungjawab Seksyen ini adalah seperti berikut:



**PHULRANI KAUR A/P
GURCHARON SINGH**
Pegawai Undang-Undang

- (A) Aspek perundangan
- Memberi nasihat undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara yang dirujuk oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak.
 - Menyemak dokumen undang-undang seperti perjanjian dan memorandum persefahaman yang mana Jabatan Perhutanan Negeri Perak (mewakili Kerajaan Negeri Perak) merupakan salah satu pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri dilindungi.
 - Menggubal dan menyemak perundangan utama dan perundangan subsidiari perhutanan
- (B) Aspek pendakwaan
- Mengkaji kertas siasatan kesalahan hutan dan memberi nasihat serta arahan berkaitan dengannya.
 - Mengendalikan perbicaraan dan prosiding jenayah kesalahan hutan di mahkamah.



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Roshda binti Udzir, Phulrani Kaur a/p Gurcharon Singh dan Norlianawati binti Mohd Razali

SEKSYEN PERINDUSTRIAN dan PENGUSAHASILAN HUTAN

Perindustrian

Seksyen ini bertanggungjawab dalam memproses pelesenan Industri Berasaskan Kayu (IBK) serta pemantauan operasi perindustrian dan kemajuan penggunaan kayu serta Pembangunan Industri Berasaskan Kayu di Negeri Perak

Pengusahasilan

Seksyen ini juga bertanggungjawab memantau pengeluaran lesen pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal (HSK) supaya mematuhi Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah ditetapkan di samping menyelaras serta memproses pelesenan aktiviti pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal (HSK), Tanah Kerajaan, Tanah Milik, Kup Arang Kayu (KAK) dan KUP Kayu Jaras (KKJ) serta Permit Penggunaan.



**KHAIRUL NIZAM
BIN MOHAMED**
Penolong Pengarah



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Nur Shahida binti Ismail, Baizueliza binti Bostamam, Khairul Nizam bin Mohamed, Nurul Addenin binti Rahman dan Rabiatul Adawiyah binti Ibrahim

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Nurul Hamisah binti Jamaludin, Anas Ashraf bin Ahmad Termizi, Zainun bin Zainuddin, Azrul Hisham bin Rasidi, Idres bin Mohd Yan dan Nursyafira Ain binti Ahmad

BARISAN KETIGA DARI KIRI:

Muhammad Imdad bin Ahmad Shaharom, Mior Khairul Azhan bin Mior Abdul Aziz dan Ahmad Faizal bin Yusof

SEKSYEN HUTAN LIPUR dan EKO PELANCONGAN

Seksyen ini merupakan seksyen yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan membangunkan Taman Eko-Rimba di Negeri Perak, melaksanakan penyelenggaraan, penaiktarafan dan pembinaan baharu infrastruktur serta kemudahan yang bersesuaian agar dapat memenuhi kehendak serta menjamin keselamatan pengunjung. Selain itu, seksyen ini juga merancang dan melaksanakan program-program pengembangan dan pendidikan seperti pameran dan bengkel berkaitan bidang perhutanan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan serta keperluan memelihara sumber hutan dan alam sekitar.

Disamping itu, Seksyen ini juga menganjurkan aktiviti-aktiviti berkonsepkan eko pelancongan, memberi khidmat penerangan dan jurupandu mengenai perhutanan, aktiviti rekreasi dan pendidikan hutan yang dijalankan di kawasan Taman Eko-Rimba dan lain-lain tugas berkaitan dengan promosi dan pembangunan eko pelancongan serta memantau aktiviti rekreasi dan pendakian di bawah Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Seksyen ini juga berperanan dalam mengemaskini pengkalan data mengenai maklumat kemajuan fizikal dan kewangan pembangunan Taman Eko-Rimba, mengumpul maklumat bagi penyediaan risalah, poster dan lain-lain bagi tujuan publisiti dan promosi Taman Eko-Rimba serta membantu merancang, mengenalpasti keperluan latihan untuk kakitangan dalam bidang pengurusan Taman Eko-Rimba dan mengenalpasti dan menjalankan latihan / kursus / bengkel Malim Gunung Perhutanan.



MUHAMMAD ASYRAF BIN ZAINUL
Penolong Pengarah



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Muhammad Asyraf bin Zainul

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Muhammad Qayyum bin Muhamad Suhaimi, Azharul Hisham bin Ahmad Tajuddin, Mohd Isa bin Osman, Khairul Nizam bin Abdul Talib, Nurul Syamimi binti Yaakob, Nurul Munirah Husna binti Hamdan dan Nur Aulia Sadida binti Rosnan

SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN

Seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan kemudahan yang melibatkan pembinaan, menaiktaraf dan penyelenggaraan pejabat, kuarters, stor rampasan, Jeti Jabatan dan Balai Pemeriksa Hutan (BPH).

Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk membuat semakan dan memberi ulasan ke atas Pelan Cadangan Pembinaan Jajaran Jalan Hutan berbandukan kepada Spesifikasi Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013).

Seksyen ini adalah komited untuk memastikan semua pembinaan dan penyelenggaraan dibuat mengikut spesifikasi dan piawaian daripada Jabatan Kerja Raya serta mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Di samping itu, seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanakan pembelian kenderaan baharu mengikut kelulusan tahunan semasa daripada Pejabat Kewangan Negeri dan melupuskan kenderaan yang rosak serta tidak ekonomik berdasarkan pengesyoran daripada pihak Jabatan Kerja Raya (Mekanikal). Seksyen Kejuruteraan Hutan melaksanakan proses melucutahk pemilikan kenderaan setelah mendapat perintah mahkamah bagi kesalahan hutan.



MIOR HIZRAN YUSOFF
Penolong Jurutera Kanan



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Mohd Haizal bin Mokhtar, Mohd Risham bin Abdul Rahim, Mior Hizran Yusoff bin Haji Mior Ismail, Jastiny Aima binti Jamaluddin and Shanti a/p Subramaniam

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Mohd Helmi bin Mohd Darji, Rozana binti Baharuddin, Shaiful Azri bin Jaafar, Nurfarahain Zin binti Mohd Zin, Iwan Mohamad Faisal bin Hamidi, Wan Nur Aina binti Wan Mohamad and Asmar Zaiham bin Abdul Wahib

TIADA DALAM GAMBAR:

Mohd Faizul bin Baharin@Baharuddin and Rasyikah Syahirah binti Saharuddin

SEKSYEN LADANG HUTAN dan INOVASI

Seksyen ini bertanggungjawab untuk melaksana dan menyelaras pengurusan dan pembangunan ladang hutan, pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan, penyakit dan agen perosak, perolehan biji benih dan bahan tanaman serta projek Perak Oxygen Land Bank (POLB).

Selain itu, seksyen ini turut dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.



**MOHAMAD FARHAN
BIN SUKIMAN**
Penolong Pengarah



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Megat Nor Ismail bin Megat Saari, Suzila binti Md Khalid, Mohamad Farhan bin Sukiman, Syaril Izzat bin Ramli, Nihayatul Nabilah binti Sabri dan Muhammad Amirul Hakim bin Badrul Hisham

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Muhammad Amirul Fikry bin Musa, Ahmad Sollehudin bin Zulkifli, Abdul Rani bin Hassan, Mohd Irwan Fazli bin Abd Rahman, Muhammad Huzaifah bin Hussain dan Mohammad Shakirin bin Abdul Aziz

SEKSYEN HASIL BUKAN KAYU & LATIHAN

Seksyen ini bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja penubuhan kawasan tanaman, rawatan serta penyelengaraan tanaman herba, buluh dan rotan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan kawasan yang bersesuaian. Selain itu, HBK juga berperanan untuk memproses lesen-lesen pengusahasilan berasaskan produk hutan bukan kayu seperti buluh, rotan, petai, tanah merah, batu batan (kuari) dan lain-lain. Manakala unit Latihan bertanggungjawab merancang Program Latihan Tahunan, mengkoordinasi dan melaksanakan kursus kepada kakitangan jabatan serta menyelaras penempatan pelajar latihan industri daripada Institut Pengajian Tinggi.



**AMAR HASRIZAL
BIN SAMSUDIN**
Penolong Pengarah



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Rosazlina binti Rosdi, Zurnaini binti Sarudin, Amar Hasrizal bin Samsudin, Tinarossima binti Badiauzamam dan Nurul Iezzati Mohd Alias

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Muhamad Taufiq Anuar Basah, Shahrul Hisham bin Abdul Karim dan Rushiah binti Sujak



PEJABAT HUTAN DAERAH

□

45

PEJABAT HUTAN DAERAH

Bertanggungjawab dalam pelaksanaan fungsi Jabatan Perhutanan Negeri, pentadbiran perhutanan di peringkat negeri dipecahkan kepada Pejabat Hutan Daerah dan renj hutan yang bertanggungjawab mengenai pentadbiran, Pengurusan, pengawalan pengusahaan dan operasi industri berasas kayu, kutipan hasil, penguatkuasaan undang-undang perhutanan serta pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan di lapangan.



PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK

MOHD SHUKRI BIN MOHD ALIP
Pegawai Hutan Daerah Hulu Perak



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Yahaya bin Nasrom, Samsul Rizal bin Idris, Muhammad Shahrul Anuar bin Hasaini, Mohd Shukri bin Mohd Alip, Mohd Faiz bin Kamaruzzaman, Hadil Aza bin Turidi dan Ismail bin Hassim

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Saliza binti Baharom, Noranizah binti Mohamed, Nurul Diana binti Kamaruddin, Huda Husna binti Mohd Amin, Nor Baizura binti Aris, Muhammad Suhaimi bin Abd Majid, Hilmie bin Hamad dan Ahmad Saiful bin Mohd Sabri

BARISAN KETIGA DARI KIRI:

Amartulrahman binti Kamaruddin, Mohd Rozaiful bin Ramli, Mohamad Yusuf bin Mohd Alin, Afizam bin Arifin, Mohd Zulhazimi bin Mohd Tajudin, Mohamad Juraimi bin Jaafar, Jefry bin Khalid dan Sabarudin bin Mohd Bakri



PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT dan MATANG

KHAIRIL BIN SARIP

Pegawai Hutan Daerah Larut dan Matang



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Ahmad Nazeri bin Shahabuddin, Khairil bin Sarip dan Hamzah bin Mohd Isa

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Roslan bin Rus, Mohamad Rosli bin Yusof, Zamharirah binti Osman, Shuhada binti Sariban, Mohamad Syazmel bin Abd Rashid, Muhamad Zaki bin Redzuan @ Che Rabuan, Mohamad Fadzli bin Mat Nuri, Abd Moen bin Ahmad, Izzuan Zuhardy bin Muhamad Zamri, Muhammad Farhan Najmi bin Mohd Ibrahim, Rizwani binti Hawari dan Noor Ikhmar binti Mohamad Mahyuddin



PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR

MOHD HAFIZ BIN SAMSUDIN
Pegawai Hutan Daerah Kuala Kangsar



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Mohd Merzuki bin bin Mat Salleh, Mohd Saleh bin Kamaruddin, Kamal Hakimi bin Muhammad, Mohd Hafiz bin Samsudin, Khairullah bin Abdul Latiff, Muhammad Amin bin Saadon dan Hasrizal bin Hussin

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Mohamad Arif bin Shamshol Bohry, Mohd Ibrahim bin Musa, Mohamad Nazri bin Abdul Muin, Azizah binti Ahmad Zubir, Nor Khairunnisa binti Abd Malek, Norliana binti Kamaruddin, Rohizan binti Abdul Talib, Nurhana binti Arifin, Fatin Amirah binti Siap, Mohamad Haspol Haikal bin Siap dan Muhamad Aedy Azhar bin Alias

BARISAN KETIGA DARI KIRI:

Muhammad Taufiq bin Osman, Mohd Fakhri bin Mohd Amin, Mohamad Amerudin bin Abdullah, Mohd Fazlee Shah bin Abu Kassim, Rohaizad bin Mohd dan Hanizar bin Ismail



PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG

AZQAN DALILA BINTI AHMAD TAJUDIN
Pegawai Hutan Daerah Kinta/Manjung



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:

Shaier Shah bin Mohd Mukhtar, Muhammad Ridzuan bin Abu Hanipah, Khairulrizal bin Abu Kassim, Nurafzalita Azrin binti Zizan, Azqan Dalila binti Ahmad Tajudin, Norlizatul Akmar binti Zulkiflee, Mohd Jamil bin Yusop, Hazha bin Mohd Darus dan Mohd Azmi bin Dahalan

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Abu Hassan bin Husin, Muhamad Asri bin Abdul Khanip, Saifulasrul bin Suid, Nadzri bin Abdullah, Lavaniya Ann A/P Savarimuthu, Nor Azimah binti Zakaria, Suraya Lee binti Abdullah, Norasiah binti Mihan, Normie Aziela binti Mat Nasir, Siti Nadia binti Mohd Sabri, Nurul Hafizah binti Mat Sani dan Zurina binti Meor Ibharim

BARISAN KETIGA DARI KIRI:

Mohd Sabarudin bin Limbang, Harimanali bin Mohd Rasdi, Abdul Hafiz bin Abdul Latif, Meor Izwan bin Zainal Abidin, Nazrur Rizal bin Nazlan, Mohd Kamal bin Adnan, Mohamad Inis bin Mohamed Yusof, Rosmainie bin Mohd Tahir dan Muhammad Razalee bin Masid



PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

KHAIRUL NA'IM BIN YA'AKUB
Pegawai Hutan Daerah Perak Selatan



BARISAN PERTAMA DARI KIRI:


Mohd Fakhri bin Mat Radzi, Mis Maizura binti Amat Kaulan, Khairul Na'im bin Ya'akub, Nur A'in binti Chek Mustafa dan Muhammad Hafiz Hasman bin Jamaluddin

BARISAN KEDUA DARI KIRI:

Muhammad Azril bin Rossly, Muhamad Amin bin Zaidi, Nur Hidayat bin Noor Azmi, Noraiza binti Ahmad Narzeri, Nurul Najwa Amira binti Mohd Tajudin, Nor Azura binti Mohd Tarmizi, Nabila Natasya binti Zamlut, Razlinda binti Zakaria, Ahmad Muzammir bin Mohamed Yusoff dan Anwar Ridhwan bin Zainal Abidin

BARISAN KETIGA DARI KIRI:


Muhaimin bin Musa, Sulaiman bin Saleh, Ahmad Fitri bin Awang, Norazemy bin Awing dan Mohd Ariff bin Ahmad Darbi



PROFIL PERHUTANAN NEGERI

51

PROFIL PERHUTANAN NEGERI



PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK

MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN HULU PERAK

i. Keluasan Tanah (ha)	:	701,451.18	ha	v. Industri Hutan
ii. Tanah Berhutan (ha)	:	575,090.18	ha	
iii. Tanah Tidak Berhutan(ha)	:	126,361	ha	
iv. Sumber Hutan				a. Bilangan
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	449,657.80	ha	Kilang Papan : 12 (Beroperasi :8)
b. Jenis Hutan (ha)				Kilang Papan Lapis/Venir : 3 (Beroperasi :1)
Hutan Darat	:	449,657.80	ha	Kilang Kayu Kumai : 1 (Beroperasi : -)
Hutan Paya Laut	:	-		Kilang Perabot : 3 (Beroperasi :1)
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusahaan				Kilang Blok : 1 (Beroperasi : -)
Hutan Simpan	:	2224.00	ha	Kilang Kayu Getah : 9 (Beroperasi :8)
Tanah Kerajaan	:	245.00	ha	Kilang Loji Tanur Pengawet/ Arang/CebisKayu : 6 (Beroperasi :6)
Tanah Milik	:	381.7556	ha	
d. Keluasan Kawasan Penandaan Pokok (ha)				b. Penggunaan Kayu (m^3)
Hutan Simpan	:	2,320	ha	Kilang Papan : 10,654.20 m^3
e. Pengeluaran (m^3)				Kilang Papan Lapis/Venir : 2,169.32 m^3
Kayu Balak	:	256,801.96 m^3		Kilang Kayu Kumai : -
Hasil Hutan lain :				c. Pengeluaran (m^3)
i) Buluh	:	-		Kilang Gergaji : 12,872.71 m^3
ii) Bahan Batu	:	-		Kilang Papan Lapis/Venir : 1,212.33 m^3
iii) Tanah Merah	:	-		Kilang Kayu Kumai : -
d. Bilangan Pekerja				
Bumiputera				Bumiputera : 103 orang
Bukan Bumiputera				Bukan Warganegara Malaysia : 40 orang
Jumlah				Jumlah : 75 orang
				Jumlah : 218 orang

Hutan Simpanan Kekal (ha)

Bil	HSK	No. Warta	Tarikh Warta	Keluasan (Ha)
1	Padang Chong	2997	09.10.1914	1,044.10
2	Lepang Nenering	2578	28.08.1914	3,996.30
3	Papulut	2423	04.05.1923	10,854.16
4	Bintang Hijau (HPK Sahaja)	960	20.02.1925	52,192.90
5	Belukar Semang	917	04.07.1991	7,945.51
6	Belum	806	06.06.1991	117,500.00
7	Banding	581	29.03.2012	16,667.00
8	Kenderong	1085	01.08.1991	6,346.25
9	Gerik	1379	10.10.1991	38,231.40
10	Temengor	1378	10.10.1991	150,845.00
11	Gunung Lang	805	06.06.1991	1,419.00
12	Sungai Kuak	1340	07.12.1989	729.60
13	Ayer Chepam	182	27.02.1992	23,024.22
14	Amanjaya	786	09.05.2013	18,862.36
JUMLAH BESAR				449,657.80

PEJABAT HUTAN DAERAH LARUT DAN MATANG

MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN LARUT DAN MATANG

i.	Keluasan Tanah (ha)	:	370,323.0	ha	v.	Industri Hutan	
ii.	Tanah Berhutan (ha)	:	129,895.0	ha	a.	Bilangan	
iii.	Tanah Tidak Berhutan(ha)	:	240,337.0	ha		Kilang Papan	: 10 (Beroperasi : 8)
iv.	Sumber Hutan					Kilang Papan Lapis/Venir	: -
a.	Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	119,681.567	ha		Kilang Kayu Kumai	: -
b.	Jenis Hutan (ha)					Kilang Perabot	: 36 (Beroperasi : 27)
	Hutan Darat	:	79,407.38	ha	b.	Penggunaan Kayu (m^3)	
	Hutan Paya Laut	:	40,274.187	ha		Kilang Papan	: 17,311.78 m^3
c.	Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusahaan					Kilang Papan Lapis/Venir	: -
	Hutan Simpan	:	530.0	ha		Kilang Kayu Kumai	: -
	Tanah Kerajaan	:	-	ha	c.	Pengeluaran (m^3)	
	Tanah Milik	:	6.5106	ha		Kilang Gergaji	: 10,881.79 m^3
d.	Pengeluaran (m^3)					Kilang Papan Lapis/Venir	: -
	Kayu Balak	:	23,060.03 m^3			Kilang Kayu Kumai	: -
i)	Buluh	:	-		d.	Bilangan Pekerja	
ii)	Bahan Batu	:	-			Bumiputera	: 44 orang
iii)	Tanah Merah	:	-			Bukan Bumiputera	: 53 orang
						Bukan Warganegara Malaysia	: 60 orang
						Jumlah	: 157 orang

Hutan Simpanan Kekal (ha)

Bil	HSK	No. Warta	Tarikh Warta	Keluasan (Ha)
1	Bukit Larut	100	21.1.1910	7,343.10
2	Gunung Semanggol	639	12.10.1900	1,098.67
3	Asam Kumbang	1957	31.12.1909	0.41
4	Ijok	2579	28.8.1914	207.30
5	Pondok Tanjung	982	19.3.1913	8,495.27
6	Bubu	547	11.2.1921	12,910.35
7	Bintang Hijau	960	20.2.1925	47,081.62
8	Palong Tinggi	1124	26.6.1989	820.00
9	Bukit Naga	785	25.2.1921	1,153.80
10	Bukit Larut Tambahan	1753	10.5.2022	296.86
Jumlah Keluasan Hutan Darat				79,407.38

Bil	HSK	No. Warta	Tarikh Warta	Keluasan (Ha)
10	Pulau Gula	1057	1903	1,240.00
11	Cabai Matai	82	1904	1,254.00
12	Pulau Kalumpang	1057	1903	4,090.00
13	Sungai Baharu	1563	1906	931.00
14	Sungai Sepetang	1563	1906	845.00
15	Pulau Kecil	2862	1911	44.00
16	Pulau Selinsing	1057	1903	2,944.00
17	Jebong	1563	1906	867.00
18	Jebung (Tambah)	747	1.7.2004	72.00
19	Pulau Sangga Besar	1903	1057	3,403.00
20	Pulau Sangga Kecil	1903	1057	1,180.00
21	Teluk Kertang	1562	1906	1,250.00
22	Sungai Limau	1563	1906	2,958.00
23	Pulau Trong Utara	99	1902	2,910.00
24	Trong	1563	1906	721.00
25	Pulau Trong Selatan	99	1902	4,966.00
26	Sungai Temerlok	1563	1906	2,849.00
27	Pulau Sungai Nibong	1563	1906	795.00
28	Pulau Pasir Hitam	99	1902	4,704.00
29	Sungai Tinggi	1563	1906	2,235.00
30	Bagan Tiang		2022(PW5242)	16.187
Jumlah Keluasan Paya Laut Matang				40,274.187
JUMLAH BESAR				119,681.567

PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR

MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN KUALA KANGSAR

- | | | | | | | |
|---|---|------------|----|--------------------------------------|---|---------------------------|
| i. Keluasan Tanah (ha) | : | 358,617.00 | ha | vi. Kilang Perabut | : | 21 |
| ii. Tanah Berhutan (ha) | : | 213,651.83 | ha | vii. Kilang Kayu Getah | : | 3 |
| iii. Tanah Tidak Berhutan(ha) | : | 144,965.17 | ha | viii. Kilang Pallet | : | 1 |
| iv. Sumber Hutan | | | | ix. Loji Tepung Kayu | : | 2 |
| a. Hutan Simpanan Kekal (ha) | : | 200,771.29 | ha | x. Kilang Rotan | : | 3 |
| b. Jenis Hutan (ha) | | | | xi. Kilang Cebis Kayu | : | 3 |
| Hutan Darat | : | 200,771.29 | ha | xii. Kilang Kerja Kayu | : | 1 |
| Hutan Paya Laut | : | - | | b. Penggunaan Kayu (m ³) | | |
| c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusahaan | | | | Kilang Papan | : | 120,013.99 m ³ |
| untuk Pengusahaan | | | | Kilang Papan Lapis/Venir | : | - |
| Hutan Simpan | : | 1,389 | ha | c. Pengeluaran (m ³) | | |
| Ladang Kerajaan | : | 17,718 | ha | Kilang Gergaji | : | 53,801.41 m ³ |
| Tanah Kerajaan | : | - | ha | Kilang Papan Lapis/Venir | : | - |
| Tanah Milik | : | 78.45 | ha | d. Bilangan Pekerja | | |
| d. Keluasan Kawasan Penandaan Pokok (ha) | | | | Bumiputera | : | 450 orang |
| Hutan Simpan | : | 1,390 | ha | Bukan Bumiputera | : | 311 orang |
| v. Industri Hutan | | | | Bukan Warganegara Malaysia | : | 50 orang |
| a. Bilangan | | | | Jumlah | : | 811 orang |
| i. Kilang Papan | : | 14 | | v. Industri Hutan | | |
| ii. Loji Tanur Pengering | : | 5 | | a. Keluasan: | | |
| iii. Loji Pengawet | : | 3 | | i. HS Piah | : | 12,043.86 |
| iv. Kilang Kayu Kumai | : | 0 | | ii. HS Korbu | : | 5,031.14 |
| v. Kilang Papan Lapis | : | 1 | | iii. HS Kledang Saiong | : | 7,628 |
| | | | | Jumlah | : | 17,718 |

Hutan Simpanan Kekal (ha)

Bil	HSK	No. Warta	Tarikh Warta	Keluasan (Ha)
1	Piah	164/380	29.1.1915 /	1,044.10
2	Korbu	772	31.1.1931	81,113.90
3	Bintang Hijau	960	20.2.1925	10,569.01
4	Kledang Saiong	1217	8.7.1952	16,685.70
5	Bubu	547	11.2.1921	16,811.31
6	Bukit Larut	100	21.1.1910	2,666.00
7	Bukit Payong	5624	14.9.1928	208.85
JUMLAH BESAR				200,771.29

PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG

MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN KINTA/MANJUNG

i. Keluasan Tanah (ha)	:	449,930.00	ha	v. Industri Hutan	
ii. Tanah Berhutan (ha)	:	104,093.58	ha	a. Bilangan	
iii. Tanah Tidak Berhutan(ha)	:	347,248.07	ha	Kilang Papan	: 48 (Beroperasi : 44)
iv. Sumber Hutan				Kilang Papan Lapis/Venir	: 8 (Beroperasi : 7)
a. Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	96,797.79	ha	Kilang Kayu Kumai	: 2 (Beroperasi : 1)
b. Jenis Hutan (ha)				b. Penggunaan Kayu (m^3)	
Hutan Darat	:	96,797.79	ha	Kilang Papan	: 123,094.91 m^3
Hutan Paya Laut	:	2244.18	ha	Kilang Papan Lapis/Venir	: 66,534.38 m^3
c. Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusahaan				Kilang Kayu Kumai	: 505.38 m^3
Hutan Simpan	:	200	ha	c. Pengeluaran (m^3)	
Tanah Kerajaan	:	7.21	ha	Kilang Gergaji	: 92,045.71 m^3
Tanah Milik	:	84.77	ha	Kilang Papan Lapis/Venir	: 11,898.84 m^3
d. Keluasan Kawasan Penandaan Pokok (ha)				Kilang Kayu Kumai	: 11,895.84 m^3
Hutan Simpan	:			d. Bilangan Pekerja	
e. Pengeluaran (m^3)				Bumiputera	: 109 orang
Kayu Balak	:	28,320.00 m^3		Bukan Bumiputera	: 2261 orang
				Bukan Warganegara Malaysia	: 1086 orang
				Jumlah	: 3456 orang

Hutan Simpanan Kekal (ha)

Bil	HSK	No. Warta	Tarikh Warta	Keluasan (Ha)
1	Bukit Kinta	6158	29.08.1930	66,967.46
2	Bukit Kinta (Tambahan)	5245	9.12.2021	40.64
3	Kledang Saiong	1217	08.07.1952	9562.00
4	Gunung Rapat	4315	24.11.2022	28.03
5	Parit	197	04.01.1910	917.99
6	Bubu	547	11.02.1921	6585.48
7	Segar! Melintang	350	03.05.1956	3141.26
8	Batu Undan	31	03.01.1930	543.28
9	Teluk Muroh	816	28.10.1948	430.37
10	Gunung Tunggal	1972	24.08.1928	247.47
11	Lumut	5354	10.10.1940	297.60
12	Teluk Kopiah	1337	11.08.1922	116.52
13	Pangkor Utara	119	27.01.1911	178.59
14	Tanjung Hantu	241	10.02.1928	75.61
15	Pangkor Selatan	119	27.01.1911	155.47

Bil	HSK	No. Warta	Tarikh Warta	Keluasan (Ha)
16	Sg. Pinang	119	27.01.1911	640.93
17	Bujang Melaka	531	07.05.1987	3951.13
18	Kota Siam	1155	27.11.1956	387.11
19	Kampar	6159	29.08.1930	425.38
20	Kampar (Tadahan)	5404	6.4.2023	185.48
21	Pulau Tiga	40	04.01.1912	167.51
22	Kampung Gajah	4326	17.06.1932	74.27
23	Tanjung Burung	1057	04.02.1903	912.98
24	Lekir	3776	12.2.2015	616.00
25	Sungai Batu	5254	5.08.2021	52.02
26	Changkat Keruing	5251	17.3.2022	34.64
27	Teluk Nipah	5333	11.5.2022	17.19
28	Teluk Tiga	5479	9.3.2023	11.33
29	Sinju	34.05	2.5.2023	34.05
JUMLAH BESAR				449,657.80


PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN

MAKLUMAT LAPORAN TAHUNAN DAERAH HUTAN PERAK SELATAN

i.	Keluasan Tanah (ha)	:	447,211.76	ha	iii.	Kilang Venir	:	1 (Beroperasi : 1)
ii.	Tanah Berhutan (ha)	:	119,024.66	ha	iv.	Kilang Kayu Kumai	:	1 (Beroperasi : 1)
iii.	Tanah Tidak Berhutan(ha)	:	330,905.31	ha	v.	Kilang Perabot	:	37 (Beroperasi :32)
iv.	Sumber Hutan				vi.	Kilang Buluh	:	5 (Beroperasi : 4)
a.	Hutan Simpanan Kekal (ha)	:	114,049.22	ha	vii.	Kilang Rotan	:	1 (Beroperasi : 1)
b.	Jenis Hutan (ha)				viii.	Kilang Kerja Kayu	:	7 (Beroperasi : 5)
	Hutan Darat	:	114,196.349	ha	ix.	Kilang Loji Pengawet	:	2 (Beroperasi : 2)
	Hutan Paya Laut	:	269.67		x.	Kilang Tanur Pengering	:	2 (Beroperasi : 2)
c.	Keluasan (ha) yang dikeluarkan untuk Pengusahaan				xi.	Kilang Loji Kayu Briket	:	1 (Beroperasi : 1)
	Hutan Simpan	:	80	ha	b.	Penggunaan Kayu (m ³)		
	Tanah Kerajaan	:	-	ha		Kilang Papan	:	50,336.644
	Tanah Milik	:	235.81	ha		Kilang Papan Lapis/Venir	:	5,691.44
d.	Pengeluaran (m ³)					Kilang Kayu Kumai	:	848.85
	Kayu Balak	:	-		c.	Pengeluaran (m ³)		
	Hasil Hutan lain :					Kilang Gergaji	:	31,615.694
i)	Buluh	:	-			Kilang Papan Lapis/Venir	:	33,886.675
ii)	Bahan Batu	:	88,949.16 tan			Kilang Kayu Kumai	:	848.85
iii)	Rotan	:	-		d.	Bilangan Pekerja		
iii)	Tanah Merah	:	-			Bumiputera	:	408 orang
v.	Industri Hutan					Bukan Bumiputera	:	699 orang
a.	Bilangan					Bukan Warganegara Malaysia	:	1344 orang
i.	Kilang Papan	:	16 (Beroperasi :14)			Jumlah	:	2451 orang
ii.	Kilang Papan Lapis	:	2 (Beroperasi : 2)					

Hutan Simpanan Kekal (ha)

Bil	HSK	No. Warta	Tarikh Warta	Keluasan (Ha)
1	Bukit Tapah	1514	01.04.1933	61,130.75
2	Bujang Melaka	531	07.05.1987	3,103.51
3	Chikus	583	27.02.1914	1,726.69
4	Bukit Slim	2134	24.03.1933	37,440.87
5	Behrang	951	06.11.1903	8,044.22
6	Gunung Besout	3377	21.11.1913	2,603.18
7	Bakau Sungai Nipah	1754	26.05.2022	146.27
8	Bukit Slim Tambahan	3659	22.09.2022	27.92
9	Bukit tapah tambahan	1231	30.03.2023	119.20
10	Beting beras basah	3405	10.08.2023	123.4
JUMLAH BESAR				114,466.02










PETUNJUK UTAMA

PETUNJUK UTAMA 2023






KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN (KWPH)


A) PENGURUSAN SUMBER HUTAN



B) PEMBANGUNAN SUMBER HUTAN ASLI



C) INFRASTRUKTUR DAN PERALATAN




D) PEMBANGUNAN MODAL INSAN








PERUNTUKAN PEMBANGUNAN NEGERI PERAK (P05)

A) PENGURUSAN SUMBER HUTAN



B) BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR





LAPORAN PERBELANJAAN P08 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023



LAPORAN PERBELANJAAN P23 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

P23

RESTORASI,
TEBUS GUNA
DAN PEMULIHAN
KAWASAN HUTAN
TEROSOT DI
SEMENANJUNG
MALAYSIA

◎ PERUNTUKAN
RM1,823,219.70

◎ BELANJA
RM1,823,219.70

◎ PERATUS BELANJA
100.00%

P23

PENANAMAN POKOK
BAGI KEMEN
PENANAMAN 100
JUTA POKOK

◎ PERUNTUKAN
RM23,425.00

◎ BELANJA
RM49,040.00

◎ PERATUS BELANJA
209.35%

P23

PEMBANGUNAN
INVENTORI SUMBER
KEPELBAGAIAN
BILOGI HUTAN
NEGARA

◎ PERUNTUKAN
RM93,770.10

◎ BELANJA
RM93,770.10

◎ PERATUS BELANJA
100.00%

P23

PEMBINAAN
INFRASTRUKTUR
DAN PEROLEHAN
KELENGKAPAN
KEBAKARAN HUTAN
DI NEGERI PERAK
(2023-2025)

◎ PERUNTUKAN
RM263,300.00

◎ BELANJA
RM263,300.00

◎ PERATUS BELANJA
100.00%

P23

KAJIAN PENANAMAN
POKOK BAKAU DAN
SPESIES-SPESIES
YANG SESUAI DI
PERSISIRAN PANTAI
NEGARA

◎ PERUNTUKAN
RM32,000.0

◎ BELANJA
RM31,990.00

◎ PERATUS BELANJA
99.99%

LAPORAN PERBELANJAAN B23 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

B23

PELBAGAI PROJEK

◎ PERUNTUKAN
RM35,383.62

◎ BELANJA
RM35,308.62


◎ PERATUS BELANJA
99.79%

LAPORAN PERBELANJAAN B25 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023



LAPORAN PERBELANJAAN B32 SEHINGGA 31 DISEMBER 2023





IMBASAN 2023

69

69

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA



Scara keseluruhannya pada tahun 2023, Pengurusan Pentadbiran JPNPkJ telah melaksanakan dengan jayanya sebanyak tiga (3) kali Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ). Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia telah diadakan sebanyak tiga (3) kali dalam tahun 2023. Audit dalaman iaitu Pengemaskinian Buku Perkhidmatan telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat bagi memastikan ianya sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Selain itu, Unit Sumber Manusia turut mengawal selia perjawatan di Ibu Pejabat JPNPkJ dan di daerah-daerah yang merangkumi 778 perjawatan dan pengisian sebanyak 711 sebagaimana berikut:

Pejabat	Perjawatan	Pengisian
Ibu Pejabat JPNPkJ	136	132
PHD Hulu Perak	143	130
PHD Larut dan Matang	139	133
PHD Kuala Kangsar	134	118
PHD Kinta/Manjung	120	106
PHD Perak Selatan	106	92





LATIHAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Jabatan turut menitikberatkan pembangunan modal insan yang mampan di kalangan kakitangan JPNP. Sejajar dengan itu, pentadbiran telah memperuntukkan program / latihan / kursus dalaman yang bersesuaian dengan keperluan Kakitangan pada tahun 2023.

Senarai latihan / kursus dalaman yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023.

BIL	PROGRAM / KURSUS / LATIHAN / AKTIVITI	LOKASI	TARIKH
1.	Nama program : Majlis Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan Awam, Ikrar Integriti Tahun 2023 dan Perhimpunan Bulanan Bil.1 Tahun 2023 Bilangan Kehadiran : 100 orang	Tempat : Dewan Rimbawan, JPNP	Tarikh : 18 Januari 2023 (Rabu)
2.	Nama program : Majlis Bacaan Yasin dan Tazkirah Bilangan Kehadiran : 80 orang	Tempat : Dewan Rimbawan, JPNP	Tarikh : 10 Februari 2023 (Jumaat)
3.	Nama program : Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 dan Apresiasi Pesara Tahun 2023 Bilangan Kehadiran : 180 orang	Tempat : Hotel Weil, Ipoh	Tarikh : 28 Februari 2023 (Selasa)
4.	Nama program : Program Korban Perdana, JPNP dengan Kerjasama Persatuan Kebajikan dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (PERKSPER) Bilangan Kehadiran : 100 orang	Tempat : Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U)	Tarikh : 1 Julai 2023 (Sabtu)
5.	Nama program : Majlis Bacaan Yassin dan Tazkirah Bilangan Kehadiran : 80 orang	Tempat : Bilik Gerakan, JPNP	Tarikh : 8 September 2023 (Jumaat)
6.	Nama program : Majlis Bacaan Yasin dan Tazkirah Bilangan Kehadiran : 80 orang	Tempat : Dewan Rimbawan, JPNP	Tarikh : 20 Oktober 2023 (Jumaat)

Ringkasan pelaporan kehadiran kursus/program/aktiviti/latihan kakitangan seperti berikut:

BIL	GRED / KUMPULAN	BIL PERJAWATAN	BIL ANGGOTA	KURSUS			PERATUS LEBIH 3 HARI BERKURSUS
				BIL KAKITANGAN YANG HADIR LEBIH 3 HARI SETAHUN	BIL KAKITANGAN YANG HADIR KURANG 3 HARI SETAHUN	BIL KAKITANGAN YANG TIDAK BERKURSUS	
1.	Pengurusan & Profesional	20	20	20	-	-	100%
2.	Pelaksana	691	691	691	-	-	100%
JUMLAH		711	711	-	-	-	100%


***Laporan adalah berdasarkan pengisian perjawatan sukuan berakhir 31 Disember 2023.





UNIT KEWANGAN

Pada tahun 2023, JPNPk telah menerima peruntukan sebanyak RM4,000,000.00 daripada Kerajaan Negeri untuk dibelanjakan bagi menguruskan dan menjalankan Projek-Projek Pembangunan Hutan bagi Peruntukan Pembangunan Negeri (P05). Sebanyak RM3,822,722.96 atau 95.57% telah dibelanjakan pada tahun 2023. Bagi peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWH), sebanyak RM13,203,110.00 telah diperuntukkan pada tahun 2023 dan perbelanjaan bagi KWH pada tahun 2023 adalah sebanyak RM9,430,782.08 atau 71.43%. Peruntukan Persekutuan (P23) yang diterima daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) pula adalah sebanyak RM2,349,144.70 dan jabatan telah membelanjakan bagi projek-projek pembangunan hutan sebanyak RM2,261,319.80 atau 96.26% daripada peruntukan yang diterima dan peruntukan B23 pula telah diterima sejumlah RM35,383.62 dan telah dibelanjakan sebanyak RM35,308.62 iaitu 99.79%. Bagi perbelanjaan Mengurus (B25) pula, JPNPk telah diperuntukkan sebanyak RM39,973,000.00 pada tahun 2023 dan telah membelanjakan sebanyak RM39,968,526.95 atau 99.99% daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan urusan pentadbiran yang melibatkan lima (5) daerah serta ibu pejabat.



UNIT HASIL

Pada tahun 2023, JPNPk telah menyediakan sistem dalam talian bagi pengguna dan orang awam bagi kutipan hasil jabatan dimana beberapa projek telah dibangunkan iaitu sistem ePermit yang menggunakan bayaran secara Jompay dan akan ditambah baik secara berperingkat. Selain itu, jabatan juga telah beralih ke arah pembayaran secara tanpa tunai (*cashless*) di kaunter hasil seluruh Negeri Perak dengan menggunakan Terminal Kad Pembayaran (*Point-Of-Sale*) POS iaitu pembayaran menggunakan kad debit dan kredit yang telah dilaksanakan pada tahun 2023. Bagi perancangan akan datang, dijangka pihak jabatan akan melaksanakan ePAY Bendahari Negeri Perak yang akan memanfaatkan seluruh jabatan di bawah Kerajaan Negeri Perak bagi mengutip hasil secara lebih sistematik dan menyeluruh.



SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN HUTAN

Sumber hutan Negeri Perak telah diurus dengan teliti dan sistematik bagi menjamin kelangsungan perolehan berkekalan dengan memelihara aspek ekologi, alam sekitar dan sumber biodiversiti. Bermula tahun 1996, pengemaskinan telah dilaksanakan dengan mempraktikkan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management, SFM*) disebabkan kadar permintaan pasaran. Melalui SFM, HSK telah diurus melalui dua (2) giliran tebangan iaitu 55 tahun dan 30 tahun.

Namun begitu, kebanyakan kawasan HSK telah diurus melalui Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System, SMS*) dengan pusingan tebangan selama 30 tahun. SMS melibatkan penetapan pemilihan regim pengurusan yang optimum iaitu melibatkan tebangan pokok dari kumpulan Dipteroarpa hanya dibenarkan dari saiz 50 cm dbh ke atas dan bagi jenis komersial lain hanya dibenarkan dari saiz 45 cm dbh ke atas.

Amalan Pengurusan Memilih membolehkan pengeluaran kayukayuan secara berkekalan dengan kos pembangunan yang minimum di samping mengoptimumkan pengusahaan hutan. Had Batas Tebangan (HBT) akan ditentukan berdasarkan keputusan analisa Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F). Turutan operasi Sistem Pengurusan Memilih adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.



Jadual 1 : Turutan Operasi Sistem Pengurusan Memilih (SMS)

Program Pengurusan Sumber Hutan

i) Mencuci dan Menanda Sempadan Luar Hutan Simpanan Kekal (HSK)

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan memastikan kedudukan sebenar dan kejelasan sempadan HSK menerusi penandaan dan pembersihan sempadan yang dijalankan sekurang-kurangnya setiap lima (5) tahun sekali. Kedudukan sempadan yang jelas dan tepat dapat diurus dan dibangunkan secara berkekalan di samping mengelak berlakunya aktiviti pencerobohan hutan dan penerokaan secara haram. Program ini melibatkan komponen pembersihan sempadan lama HSK, pembelian dan pemasangan papan tanda HSK serta pembinaan mercu tanda nama HSK.

Pada tahun 2023, peruntukan asal sejumlah RM500,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan P05 dan telah membelanjakan sebanyak RM499,204.50 untuk menjalankan kerja-kerja Penyelenggaraan Sempadan Luar HSK sejauh 284.4 km yang melibatkan 29 hutan simpan. Bagi peruntukan di bawah KWPH, sejumlah RM800,000.00 telah diluluskan dan sejauh 207 km telah berjaya dijalankan aktiviti Penyelenggaraan Sempadan Luar yang merangkumi empat (4) hutan simpan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM320,080.00

ii) Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-F)

JPNPk bertanggungjawab untuk merealisasikan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan untuk faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar. Bagi mencapai objektif tersebut, maklumat berkaitan kandungan isi hutan secara menyeluruh dan tepat seperti kedudukan stok, keadaan dan taburan pokok besar, kayu jaras, anak pokok serta anak benih amat diperlukan supaya aktiviti pengurusan yang berkekalan dan pengusahaan dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Selain itu, melalui maklumat tersebut juga dapat membantu untuk penetapan HBT yang optimum yang tepat.

Pada tahun 2023, peruntukan asal sejumlah RM500,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan P05. Daripada keseluruhan peruntukan yang diterima, seluas 3,028 hektar telah berjaya dijalankan aktiviti Pre-F merangkumi lapan (8) kawasan Hutan Simpan di Negeri Perak dengan perbelanjaan sebanyak RM485,248.20. Bagi peruntukan di bawah KWPH, sejumlah RM792,000.00 telah diluluskan dan seluas 1,389 hektar telah berjaya dijalankan aktiviti Pre-F yang merangkumi tiga (3) kawasan hutan simpan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM205,124.10.

iii) Hutan Simpanan Hutan Dara (*Virgin Jungle Forest Reserved - VJR*)

HSK di Negeri Perak telah diklasifikasikan mengikut fungsi hutan sepertimana yang telah ditetapkan di bawah seksyen 10 (1) Enakmen Akta Perhutanan Negara, 1984 (Pemakaian) 1985. Salah satu dari kelas fungsi berkenaan adalah Hutan Simpanan Hutan Dara (*Virgin Jungle Forest Reserved - VJR*). Maka, pelaksanaan projek ini adalah untuk menggambarkan jenis-jenis hutan yang terdapat di Negeri Perak. Penubuhan VJR berfungsi untuk mengekalkan khazanah hutan secara semulajadi tanpa ancaman terhadapnya. Dengan adanya penubuhan VJR ini, ia merupakan salah satu usaha untuk memelihara habitat flora, fauna dan mikroorganisma yang sedia ada selain dapat menjamin kelangsungan sumber genetiknya. VJR juga berperanan sebagai kawasan penyelidikan perhutanan merangkumi segala isi hutan.

Pada tahun 2023, sebanyak RM100,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan P05, bagi menjalankan kerja-kerja bancian dan mencuci sempadan kawasan VJR. Sejauh 38.5 km merangkumi enam (6) kawasan VJR telah dilaksanakan penyelenggaraan sempadan luar VJR dengan perbelanjaan sebanyak RM91,732.60.

iv) Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS)

CFS merupakan kawasan yang telah dikenalpasti terdapatnya fragmentasi hutan yang merangkumi kompleks hutan di Semenanjung Malaysia. Menerusi Rancangan Fizikal Negara (RFN) 19, CFS diwujudkan bagi membentuk tulang belakang rangkaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan penyatuan kawasan fragmen hutan ini sangat penting dalam mewujudkan keseimbangan dan faedah di antara arus pembangunan dan aktiviti pemuliharaan. Kajian penyediaan Pelan Induk Rangkaian Ekologi telah mengenalpasti sebanyak 37 rangkaian di seluruh Semenanjung Malaysia dan lapan (8) daripadanya terletak di Negeri Perak. Daripada keseluruhan lapan (8) rangkaian ini, lima (5) adalah merupakan Rangkaian Utama dan tiga (3) adalah Rangkaian Sekunder.

Pada tahun 2023, sebanyak RM108,000.00 telah diluluskan di bawah peruntukan P23 dan sebanyak RM91,740 telah dibelanjakan.

SEKSYEN SILVIKULTUR DAN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi memainkan peranan dalam menyelaras pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan melalui pelaksanaan aktiviti rawatan silvikultur di dalam kawasan HSK. Pelaksanaan aktiviti tersebut dipraktikkan bagi memastikan dirian hutan terpulih dan dipelihara. Selain aktiviti utama tersebut, Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi di JPNPk turut berperanan dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti di bawah Program Pembangunan Hutan Asli, Program Kesedaran Awam (CEPA), Projek Pembangunan Tapak Semaian serta Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Persisiran Pantai Negara.

PROGRAM PEMBANGUNAN HUTAN ASLI

Di bawah Program Pembangunan Hutan Asli, terdapat lima (5) projek utama yang dijalankan iaitu:

i. Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)

Aktiviti ini merupakan aktiviti utama dalam amalan silvikultur. Inventori yang dijalankan di dalam kawasan HSK dalam tempoh dua (2) hingga lima (5) tahun selepas aktiviti pengusahaisan selesai adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat yang tepat dan bererti mengenai kedudukan stok, kandungan, keadaan dan taburan semua pokok besar, kayu jaras, anak pokok dan anak benih supaya diketahui gambaran isi hutan yang sebenar serta mengumpul maklumat mengenai kewujudan akar/pepanjat dan bertam. Hasil analisa data keputusan inventori Post-F tersebut akan dapat menentukan keadaan semasa bagi hutan tersebut sekaligus menentukan jenis rawatan yang perlu diambil bagi meningkatkan dirian serta memulihkan kawasan hutan tersebut.

ii. Tanaman Mengaya

Aktiviti tanaman mengaya ialah suatu jenis rawatan silvikultur yang dilaksanakan ke atas kawasan miskin di dalam HSK bagi membantu meningkatkan kandungan hutan tersebut supaya mencapai tahap yang dikehendaki terutamanya dari segi komposisi jenis-jenis spesies berpasaran dan bermutu tinggi. Pelaksanaan rawatan ini adalah ditentukan melalui analisa data daripada keputusan inventori Post-F.

iii. Pemulihan Kawasan Terosot

Kawasan terosot adalah merujuk kepada suatu kawasan yang kosong atau kurang dirian pokok dalam HSK yang mana terjadi akibat daripada kejadian bencana alam seperti hakisan tanah atau kebakaran hutan. Ia juga boleh terjadi disebabkan oleh penerokaan haram secara berterusan. Oleh itu, seksyen ini mengambil inisiatif dengan menjalankan projek pemulihian kawasan ini melalui aktiviti penanaman pokok-pokok daripada spesies berpasaran dan bermutu tinggi.

iv. Tanaman dan Rawatan Bakau

Aktiviti ini adalah meliputi penanaman semula anak pokok bakau di kawasan Hutan Paya Laut yang telah diusahasil. Secara umumnya aktiviti ini dijalankan di Daerah Larut & Matang dan bertujuan untuk memulihkan serta mengayakan semula kawasan tersebut.

Berikut merupakan pencapaian tahun 2023 bagi projek di bawah Program Pembangunan Hutan Asli :

Jadual 2 : Program Pembangunan Hutan Asli bagi tahun 2023

Projek	Peruntukan Tahunan (RM)	Pencapaian Fizikal (hektar)
Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F)	400,000.00	3,800.0
Tanaman mengaya	1,440,000.00	170.0
Pemotongan Akar/ Pepanjat (CL)	340,000.00	1,720.0
Pemulihan Kawasan Terosot	360,000.00	117.0
Tanaman dan Rawatan Bakau	600,000.00	151.8

Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok

Program Penanaman 100 juta pokok melalui Program Penghijauan Malaysia adalah merupakan program yang diwujudkan sempena program perintis Kempen Penanaman 26 Juta Pokok yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2010 – 2014. Susulan daripada kejayaan program tersebut, Kerajaan Negeri Perak melalui JPNPK telah melancarkan “Kempen Penanaman 100 Juta Pokok” dengan sasaran tanaman di seluruh Negeri Perak sebanyak 10 juta pokok bagi tempoh lima (5) tahun seiring dengan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negeri Perak (RMK-12) di bawah Program Ke-10: Alam Sekitar dan Perhutanan untuk menanam 10 juta pokok dalam tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2021 hingga 2025.

Program ini dilaksanakan menerusi pelbagai medium dan salah satunya adalah melalui pendekatan aktiviti kempen kesedaran iaitu penganjuran program *Communication, Education, Participation & Awareness* (CEPA) yang melibatkan aktiviti penghijauan bersama masyarakat dan penduduk setempat, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi serta agensi kerajaan dan swasta. Aktiviti ini bukan sahaja membantu hasrat untuk mewujudkan suasana persekitaran semulajadi yang hijau dan segar malah meningkatkan kesedaran bahawa memelihara alam sekitar adalah merupakan tanggungjawab semua pihak serta memupuk rasa cinta kepada hutan dan alam sekitar di kalangan rakyat Negeri Perak.

Sehingga Disember 2023 sejumlah 2,725,438 pokok telah berjaya ditanam di seluruh Negeri Perak menjadikan jumlah keseluruhan tanaman bagi tempoh 2021 hingga 2023 berjumlah 7,279,384 pokok. Ini memberi gambaran jelas akan komitmen pihak jabatan bagi memulihara dan memelihara kehijauan bumi Perak.

Butiran jumlah pokok yang telah ditanam sepanjang tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut:

Jadual 3: Jumlah tanaman pokok dari tahun 2021 – 2023

Tahun	2021	2022	2023	Jumlah Keseluruhan
Bilangan Pokok	2,211,939	2,342,007	2,725,438	7,279,384
Luas (Hektar)	5,568.07	6,151.81	5,140.00	16,859.88

PEMBANGUNAN TAPAK SEMAIAN

Tapak semaihan merupakan antara nadi utama bagi perjalanan sesebuah organisasi yang berperanan memelihara alam sekitar dan biodiversiti hutan. Sehubungan dengan itu, JPNPK telah menujuh dan menyelenggara tujuh (7) buah tapak semaihan bagi menampung keperluan anak pokok untuk tanaman di kawasan selepas usahasil. Antara aktiviti yang dilaksanakan di tapak semaihan adalah aktiviti pengutipan biji benih dan anak liar, menabung anak pokok dan menyemai biji benih serta kerja-kerja penyelenggaraan harian anak pokok. Berikut merupakan senarai tapak semaihan aktif yang diselenggara oleh JPNPK:

Jadual 4 : Senarai Tapak Semaian di Jabatan Perhutanan Negeri Perak

BIL	TAPAK SEMAIAN	TAHUN PENUBUHAN	KELUASAN (HEKTAR)	KAPASITI
1	Tapak Semaian Air Ganda, Gerik	1981	2.3	100,000
2	Tapak Semaian Ulu Piol, Manong	1952	7.0	60,000
3	Tapak Semaian Kaki Bukit Larut, Taiping	1993	1.0	35,000
4	Tapak Semaian Pusing, Batu Gajah	1993	0.2	50,000
5	Tapak Semaian Kampung Chang, Bidor	1980	0.77	30,000
6	Tapak Samaian Kuala Sepetang, Taiping	2010	0.02	8,000

PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA

Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara merupakan program kesinambungan daripada Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10: 2011-2015) yang bertujuan untuk memantapkan usaha pemeliharaan pesisiran pantai daripada pukulan ombak kuat dan angin kencang serta ancaman kejadian tsunami.

Secara khususnya, pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mencapai empat (4) objektif utama iaitu:

- i. Memulihara pesisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan harta benda akibat kejadian alam dan hakisan tanah;
- ii. Mewujudkan zon penampanan bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar;
- iii. Memulihkan habitat pesisiran pantai yang menjadi koridor kepada kepelbagaiannya biologi serta memperkaya sumber hasil pantai; dan
- iv. Meningkatkan kualiti alam sekitar dan nilai estetika sebagai daya tarikan pelancong.



PENGUATKUASAAN, SIASATAN DAN PERUNDANGAN

PENCAPAIAN TAHUN 2023: Tahun 2023 menyaksikan pelbagai usaha daripada Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Seksyen Penguatkuasaan (Siasatan) dan Seksyen Perundangan dalam memperkasakan bidang penguatkuasaan hutan di Negeri Perak. Ketiga-tiga Seksyen ini terus melangkah dalam memperkuatkuaskan lagi bidang penguatkuasaan hutan di peringkat nasional. Pelbagai inisiatif dan pendekatan telah dilakukan bagi memastikan kawasan HSK Negeri Perak sentiasa ditadbir, dikawal selia dan diuruskan secara mampu dalam memberikan output yang terbaik kepada Negeri Perak.

OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Penguatkuasaan secara umumnya didefinisikan sebagai perihal (perbuatan, tindakan, dan sebagainya) bagi menyekat amalan-amalan negatif sama ada melalui undang-undang atau program-program moral (*Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat*). Manakala penguatkuasaan hutan bermaksud aktiviti untuk menguatkuasakan undang-undang melalui Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [*Enakmen Bil. 3 Tahun 1985*], Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [P.U. 39/1989], Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 [*Enakmen Bil. Tahun 1987*] dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu 1990 [P.U. 7/1990].

Salah satu strategi dalam menjalankan penguatkuasaan hutan secara berkesan adalah dengan pelaksanaan operasi bersepadu yang melibatkan kolaborasi pelbagai agensi penguatkuasaan yang berkaitan dengan penglibatan dari Badan Kerajaan, Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan dan juga Badan Bukan Kerajaan.

Penguatkuasaan secara bersepadu ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanannya dalam aspek penguatkuasaan hutan bagi membanteras sebarang aktiviti kesalahan hutan di dalam kawasan HSK serta kesalahan lain yang melibatkan hasil hutan.

Sebagai rekod, senarai operasi bersepadu yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 :

Jadual 1 : Senarai Operasi Bersepadu bagi Tahun 2023 (OP)

Bil	Nama	Tarikh	Daerah	Agensi Terlibat
1.	OPS Tanglung	18-20 Januari	Seluruh Negeri Perak	PDRM
2.	Ops Laluan FT 185 Seksyen 44.1	27 Januari	Kinta/ Manjung	PDRM
3.	Operasi Bersepadu Khazanah	Januari, Februari, April, Julai, Ogos, September	Hulu Perak, Perak Selatan, Kuala Kangsar	PERHILITAN, PDRM, ATM
4.	Operasi Bersepadu Membanteras Aktiviti Perlombongan Haram NR-REE Negeri Perak	23 September 2023	Hulu Perak	SPRM, PGA, JMG, PTG
5.	Ops Raya Aidilfitri	April	Seluruh Negeri	PDRM, JPJ
6.	Operasi Bersepadu Kawasan Lombong Haram NR-REE Di Hutan Simpan Bintang Hijau	8-15 Disember	Hulu Perak	PDRM

KUTIPAN KOMPAUN DAN GANTIRUGI KESALAHAN HUTAN

Bagi tahun 2023, JPNPK telah berjaya mengutip kompaun sebanyak RM395,480.00 dan gantirugi kesalahan hutan sebanyak RM50,000.00 (OP). Kesalahan hutan yang dikenal pasti adalah di bawah seksyen 47(1), 68(1), 81(1) dan 84(1), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kertas siasatan (IP) telah dibuka dan dijalankan siasatan oleh

KES KESALAHAN HUTAN (SIASATAN)

Bagi tahun 2023, sebanyak 53 kes kesalahan hutan berjaya dikesan oleh JPNPK yang meliputi pelbagai kesalahan hutan melalui peruntukan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu 1987. Kertas siasatan (IP) telah dibuka dan dijalankan siasatan oleh

Seksyen Penguatkuasaan (Siasatan) hasil daripada pengesanan kes ini. Daripada jumlah kes kesalahan hutan pada tahun 2023, sebanyak 26 kertas siasatan berjaya diselesaikan. Di samping itu, sebanyak 20 kertas siasatan yang dibuka pada tahun sebelumnya juga telah diselesaikan pada tahun 2023 (IP warisan).

Salah satu daripada kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2023 telah diambil tindakan pendakwaan di mahkamah melalui Seksyen Perundangan. Kes kesalahan hutan yang didakwa di mahkamah adalah kes tangkapan dua (2) orang individu di bawah kesalahan milikan hasil hutan tanpa pas bagi pemindahan hasil hutan tersebut di bawah Subseksyen 68(1), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Kes ini telah disebut di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar. Hasil pertuduhan kes ini, tertuduh telah mengaku bersalah dan dikenakan hukuman denda. Manakala, barang kes berupa hasil hutan yang disita telah dilucut hak kepada JPNPkJPNP dan barang kes kenderaan dikembalikan kepada pemilik.

PERUNDANGAN

Seksyen Perundangan bertanggungjawab dalam aspek perundangan dan pendakwaan yang dirujuk oleh JPNPkJPNP bagi menguatkuasakan undang-undang perhutanan.

Pada tahun 2023, Seksyen ini telah menyemak sebanyak 32 perjanjian dan menyediakan 16 pandangan undang-undang berkenaan dengan isu perhutanan.



Selain itu, sebanyak 151 daftar kemasukan IP yang diminitkan oleh Timbalan Pendakwa Raya dan 1 kes kesalahan hutan telah dibawa ke mahkamah bagi tujuan pendakwaan. Berikut merupakan maklumat ringkas bagi kes-kes kesalahan hutan yang dituduh di mahkamah bagi tahun 2023:

BIL.	LOKASI	JENIS KESALAHAN	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	STATUS
1.	Jalan Lenggong menghala ke Kuala Kangsar	Memiliki hasil hutan tanpa kebenaran	Perenggan 68(1) Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985	Kedua-dua OKT mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar pada 16.6.2023 dan dikenakan denda sebanyak RM3,000 setiap seorang atau dipenjara selama 3 bulan sekiranya gagal membayar denda. Hasil hutan dilucut hak kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perak, manakala kenderaan dikembalikan kepada pemilik.

SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN HUTAN

PENGUSAHASILAN HUTAN

PENGUSAHASILAN HUTAN DARAT

Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) telah diluluskan oleh mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-77 sebagaimana Jadual 1. Keluasan hutan darat mengikut jenis tanah yang telah dilesenkan pada tahun 2023 adalah sebagaimana ditunjukkan di Jadual 2: -

Jadual 1: Pelarasan Semula Catuan Tebangan Tahunan (CTT) HSK Negeri Perak

Tahun	CTT Diluluskan (Ha)
2021	6,600
2022	6,600
2023	6,600
2024	6,600
2025	6,600
Jumlah	33,000

Jadual 2: Pengusahasilan Hutan Darat Mengikut Jenis Tanah Hutan Bagi Tahun 2023

Hutan Simpan Kekal (HSK)				Jumlah	Tanah Kerajaan (ha)	Tanah Bermilik (ha)	Jumlah Kawasan Dilesenkan Untuk Pengusahasilan (ha)				
Catuan Tebangan Tahunan (CTT)		Pembangunan (ha)									
Diluluskan (ha)	Diusahaasilkan (ha)	Ladang Hutan	Lain-lain								
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)=(b+c+d)	(f)	(g)	(h)=(e+f+g)				
6,600	3,838	978.91	0	4,816.91	292.21	1,026.4971	6,135.6071				

PENGUSAHASILAN HUTAN PAYA LAUT

Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang adalah berpandukan kepada Rancangan Kerja Hutan Paya Laut Matang (RKHPLM) 2020 - 2024. Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang terdiri daripada 2 kategori iaitu KUP Arang Kayu (KAK) dan KUP Kayu Jaras (KKJ). Di bawah RKHPLM 2020 - 2024, seluas 97,961.6 hektar setahun kawasan Hutan Paya Laut Matang diperuntukan untuk 121 pengusaha KAK. Manakala seluas 1,694.0 hektar setahun kawasan hutan Paya Laut Matang bagi 77 pengusaha KKJ. Maklumat lesen pengusahasilan KAK Tahun 2023 sebagaimana di Jadual 3 dan maklumat pengusahasilan KKJ Tahun 2023 di Jadual 4;

Jadual 3: Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang bagi Kup Arang Kayu (KAK) Mengikut Suku Tahun 2023

SUKU TAHUN	BILANGAN LESEN	KELUASAN (HA)
PERTAMA	14	86.9
KEDUA	20	106.48
KETIGA	32	200.7
KEEMPAT	21	129.9
JUMLAH	87	523.98

Jadual 4: Maklumat Lesen Pengusahasilan Hutan Paya Laut Matang bagi Kayu Jaras (KKJ) Mengikut Suku Tahun 2023

SUKU TAHUN	BILANGAN LESEN	KELUASAN (HA)
PERTAMA	10	182.0
KEDUA	20	408.0
KETIGA	25	479.0
KEEMPAT	28	550.0
JUMLAH	83	1,619.0



INDUSTRI BERASAS KAYU (IBK)

Bilangan Kilang Dalam Industri Berasas Kayu

Sebanyak 575 buah kilang telah dilesenkan di bawah Industri Berasas Kayu (IBK) di Negeri Perak Darul Ridzuan sehingga tahun 2023. Daripada jumlah tersebut sebanyak 491 buah kilang beroperasi manakala sebanyak 84 buah kilang tidak beroperasi. Pecahan bilangan kilang IBK Negeri Perak mengikut daerah hutan sehingga tahun 2023 adalah seperti di Jadual 5.

JENIS LESEN	BILANGAN KILANG (BERDAFTAR) MENGIKUT DAERAH HUTAN															JUMLAH KESELURUHAN		
	KINTA MANJUNG			LARUT MATANG			PERAK SELATAN			KUALA KANGSAR			HULU PERAK					
	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi	Lesen	Operasi	Tidak Operasi
Kilang Papan	48	44	4	11	8	3	17	15	2	17	14	3	12	8	4	105	89	16
Kilang Papan Lapis/Venir	7	6	1	0	0	0	3	3	0	1	1	0	3	2	1	14	12	2
Tanur Pengering	12	11	1	2	2	0	2	2	0	5	5	0	1	1	0	22	21	1
Loji Pengawet	17	15	2	1	1	0	2	1	1	4	4	0	1	1	0	25	22	3
Perabot / Kerja Kayu	110	84	26	28	20	8	43	35	8	29	23	6	10	7	3	220	169	51
Kayu Kumai	3	3	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	1	0	1	5	4	1
Lantai Parket	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Kotak Kayu/ Pak/ Pallet	18	15	3	1	1	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	20	17	3
Cebis Kayu	11	9	2	2	2	0	1	1	0	3	3	0	3	3	0	20	18	2
Tepung Kayu	1	1	0	0	0	0	0	0	0	2	2	0	0	0	0	5	3	2
Tanur Arang	0	0	0	121	121	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	122	122	0
Kilang Butuh	0	0	0	0	0	0	4	4	0	0	0	0	0	0	0	4	4	0
Komp. Bangunan	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Papan Blok/ Bilah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1	1	0	1
Papan Serpih/ Serpai	3	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	3	0
Kayu Briket	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Kilang Mancis	0	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
Penyulingan Kayu	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0
Kilang Rotan	0	0	0	1	0	1	1	1	0	2	2	0	0	0	0	4	3	1
JUMLAH	233	194	39	168	155	13	75	64	11	66	55	11	33	23	10	575	491	84

Jadual 5: Bilangan Kilang Industri Berasas Kayu Negeri Perak Mengikut Daerah Hutan Pada Tahun 2023

Pengeluaran Kayu Balak Mengikut Jenis Kayu

Pengeluaran kayu balak di Negeri Perak Darul Ridzuan pada tahun 2023 adalah berjumlah 348,794.63 meterpadu yang terdiri dari kumpulan jenis Kayu Keras Berat (KKB), Kayu Keras Sederhana (KKS), Kayu Keras Ringan (KKR) dan Lain-Lain Jenis (LLJ) seperti ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Carta 1.


Jadual 2: Pengeluaran Kayu Balak Tahun 2023

Bil.	Kumpulan Jenis Kayu	Pengeluaran (m³)	Peratus (%)*
1.	Kayu Keras Berat (KKB)	21,776.24	6
2.	Kayu Keras Sederhana (KKS)	109,911.60	32
3.	Kayu Keras Ringan (KKR)	217,106.79	62
4.	Lain-Lain Jenis (LLJ)	-	-
JUMLAH		348,794.63	100

Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu

Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan adalah 324,700.42 meterpadu, dengan pengeluaran 201,688.72 meterpadu (62.11%). Penggunaan (kemasukan) kayu balak oleh Kilang Papan Lapis/Venir adalah 74,417.01 meterpadu dengan pengeluaran 228,886.81 meterpadu (307.57%), manakala penggunaan (kemasukan) kayu gergaji ke Kilang Kayu Kumai adalah 1,354.23 meterpadu dengan pengeluaran 1,150.58 meterpadu (84.96%). Keterangan lanjut mengenai perkara ini adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 6.

PERATUS PENGETAHUAN MENGIKUT JENIS KAYU BALAK TAHUN 2023



Carta 1: Peratus Pengeluaran Mengikut Jenis Kayu Balak Tahun 2023

Jadual 6: Penggunaan Kayu Balak dan Kayu Gergaji oleh Industri Berasas Kayu Terpilih dan Pengeluaran Tahun 2023

Bil.	Jenis Kilang	Penggunaan (m³)	Pengeluaran (m³)	Peratus (%)*
1.	Kilang Papan	324,700.42	201,688.72	62.11
2.	Kilang Papan Lapis/Venir	228,886.81	74,417.01	32.5
3.	Kilang Kayu Kumai	1,354.23	1,150.58	84.96
JUMLAH		554,941.46	277,256.31	49.96

*Pengeluaran Berbanding Penggunaan

Guna tenaga dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahasilan

Bilangan pekerja diupah dalam Industri Berasas Kayu dan Industri Pengusahasilan di negeri Perak Darul Ridzuan bagi Tahun 2023 adalah berjumlah 5,088 orang. Keterangan lanjut mengenai perkara ini seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Gunatenaga dalam Industri Berasas Kayu Terpilih di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2023

Pengusahasilan			Pengusahasilan			Pengusahasilan			Pengusahasilan			Jumlah Besar							
Harvesting			Harvesting			Harvesting			Harvesting			Grand Total							
Malaysia		Jumlah Total	Malaysia		Jumlah Total	Malaysia		Jumlah Total	Malaysia		Jumlah Total	Malaysia		Jumlah Total					
B	BB		BW	B		BW	B		B	BB		BW	B						
1,297	723	5	2,025	683	835	655	2,173	61	113	313	487	105	107	191	403	2,146	1,778	1,164	5,088

Petunjuk :

B – Bumiputera

BB - Bukan Bumiputera

BW- Bukan Warga Malaysia



SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN EKO PELANCONGAN

HUTAN LIPUR

Hutan lipur didefinisikan sebagai kawasan dalam HSK yang berfungsi sebagai kawasan yang sesuai bagi menjalankan aktiviti-aktiviti rekreasi seperti beristirehat, beriadah, menikmati flora dan fauna, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan lain-lain aktiviti berkaitan. Peranan hutan lipur sebagai medium untuk pelaksanaan aktiviti riadah dilihat semakin besar berikutan kecenderungan dan penghayatan masyarakat terhadap alam semulajadi. Konsep hutan lipur masih mengekal dan menekankan kepada pendekatan holistik "Hutan Bukan Untuk Pengeluaran Kayu-kayang Semata-mata (*Forest beyond Timbers*)". Lantaran keperluan meneroka hasil baru selain kayu kayan, JPNPk telah mengambil pendekatan dan inisiatif dengan memperkasakan pengurusan hutan lipur dan telah diberi penjenamaan semula dan dikenali sebagai Taman Eko-Rimba (TER).

PENUBUHAN HUTAN LIPUR

JPNPk merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas perancangan, pembangunan dan pengurusan TER di Negeri Perak. Sejak tahun 1979, sejumlah 13 kawasan yang berpotensi dan mempunyai tarikan berasaskan eko pelancongan telah dibangunkan dan dijadikan sebagai TER di Negeri Perak. Tarikan ini secara tidak langsung telah menjadi suatu aktiviti pengembangan ekonomi yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan negeri di samping mampu untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat daripada pelbagai sektor khususnya sektor makanan dan minuman, perhotelan, kraftangan, budaya setempat dan pelbagai sektor lain yang menjadi sumber tarikan di kawasan sekitar.

Senarai Taman Eko-Rimba yang telah dibangunkan oleh JPNPk adalah seperti mana pada Jadual 1 :

Jadual 1 : Senarai Taman Eko-Rimba JPNPk

Bil.	Daerah	Nama Taman Eko-Rimba	Tahun Penubuhan	Keluasan Pembangunan (Ha)	Lokasi (Hutan Simpan)
1.	Hulu Perak	Lata Kekabu	1990	6.19	Bintang Hijau
2.		Pulau Tali Kail	1997	0.67	Banding
3.	Kuala Kangsar	Ulu Kenas	1990	22.67	Bubu
4.	Perak Selatan	Lata Iskandar	1979	0.96	Bukit Tapah
5.		Kuala Woh	1983	6.17	
6.	Larut & Matang	Kaki Bukit Larut	1979	0.96	Bukit Larut
7.		Pusat Eko-Pelajaran Paya Laut Matang	2004	13.95	Jebong
8.	Kinta / Manjung	Ulu Kinta	1987	9.22	Bukit Kinta
9.		Papan	1992	9.57	Kledang Saiong
10.		Kledang Saiong	2010	26.68	
11.		Pasir Panjang	1996	5.57	Segari Melintang
12.		Sungai Salu	1998	1.00	Bujang Melaka
13.		Ulu Licin	2006	14.15	Bubu

Pada tahun 2023, Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan telah menerima sejumlah peruntukan di bawah peruntukan P05 dan KWPBH seperti mana butiran berikut :

Jadual 2 : Senarai Peruntukan Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan bagi Tahun 2023

Sumber Peruntukan	Program	Projek	Jumlah Kelulusan (RM)	Skop Perbelanjaan
P05	Pengurusan Hutan (P05 001)	Kerja-Kerja Menyelenggara Infra Dan Kemudahan Di Taman Eko-Rimba Jabatan Perhutanan Negeri Perak	230,000.00	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja bina baharu, naiktaraf dan penyelenggaraan kemudahan TER
	Bangunan Dan Infrastruktur (P05 002)	Naiktaraf Trek Pendakian Di Dalam Hutan Simpan Bukit Kinta, Daerah Kinta / Manjung	45,000.00	<ul style="list-style-type: none"> • Bina baharu sebuah mercu tanda pendakian di trek pendakian Gunung Korbu
KWPB	Pengurusan Sumber Hutan	Risalah Perhutanan, Lain-Lain Penerbitan & Cetakan / Hebahana & Promosi	300,000.00	<ul style="list-style-type: none"> • Cetakan bahan promosi, penerbitan video korporat
		Pameran, Seminar, Lawatan Kerja, Tinjauan Eko-Pelancongan Dan Program Perhutanan Di Dalam Negara / Luar Negara / Peringkat Antarabangsa	500,000.00	<ul style="list-style-type: none"> • Pengajuran lawatan kerja, bengkel, pameran, sewaan bagi program perhutanan
	Pembangunan Sumber Hutan Asli	Membina Baru, Menaiktaraf Dan Menyelenggara Taman Eko-Rimba	600,000.00	<ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja bina baharu, naiktaraf dan penyelenggaraan kemudahan TER • Perkhidmatan pembersihan TER • Rawatan serangga perosak di TER
		Pembekalan Peralatan Dan Kelengkapan Bagi Kemudahan Di Taman Eko-Rimba Untuk Keselesaan Dan Keselamatan Pengunjung	100,000.00	<ul style="list-style-type: none"> • Pembekalan peralatan dan kelengkapan Taman Eko-Rimba
		Sistem Amaran Kepala Air	100,000.00	<ul style="list-style-type: none"> • Naiktaraf dan selenggara sistem amaran kepala air di Taman Eko-Rimba

MEMBINA BAHARU, MENAIKTARAF DAN MENYELENGGARA TAMAN EKO RIMBA

Pada tahun 2023, Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan telah menerima peruntukan berjumlah RM230,000.00 bagi Projek Kerja-Kerja Menyelenggara Infra dan Kemudahan di TER Jabatan Perhutanan Negeri Perak di bawah peruntukan P05 dan RM600,000.00 bagi Projek Membina Baru, Menaiktaraf dan Menyelenggara TER di bawah peruntukan Kumpulan KWPB. Matlamat projek ini adalah untuk membina baharu, menaiktaraf dan menyelenggara kemudahan yang terdapat di TER bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengunjung.

Permintaan bagi kawasan rekreasi dan eko pelancongan pada masa kini dilihat semakin meningkat berikutan peningkatan kesedaran masyarakat dalam menghargai dan menikmati sumber alam semula jadi. Masyarakat kini giat mencari alternatif baharu dalam mengisi masa lapang bagi mengurangkan tekanan ekoran kesibukan bekerja. Dengan adanya kemudahan yang selesa dan selamat ini, secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negara seterusnya mampu menjana pendapatan kepada Kerajaan Negeri.

Selain memfokuskan kepada sektor eko pelancongan, Taman Eko-Rimba juga diyakini mampu menarik lebih ramai

golongan penyelidik dan pelajar untuk menjalankan penyelidikan dan kajian berkaitan tarikan serta keunikan sumber alam semula jadi yang terdapat di TER Negeri Perak. Sehubungan itu, kemudahan TER yang bersesuaian perlu disediakan bagi menarik lebih ramai pengunjung daripada kalangan ahli akademik serta badan-badan bukan kerajaan untuk berkunjung ke kawasan ini.

PEMBEKALAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN BAGI KEMUDAHAN DI TAMAN EKO-RIMBA UNTUK KESELESAAN DAN KESELAMATAN PENGUNJUNG

Pada tahun 2023, sebanyak RM100,000.00 telah diperuntukkan di bawah projek Pembekalan Peralatan Dan Kelengkapan Bagi Kemudahan Di TER Untuk Keselesaan Dan Keselamatan Pengunjung. JPNPk merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menguruskan TER yang terdapat di Negeri Perak. Sejumlah 13 TER telah diuruskan sejak tahun 1979 yang dibahagikan kepada lima (5) buah daerah hutan yang terdiri daripada Daerah Kinta / Manjung, Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut & Matang dan Perak Selatan.

Kesemua 13 TER ini mempunyai tarikan serta keunikan yang tersendiri. Sehubungan itu, dalam memastikan para pengunjung sentiasa berada dalam keadaan selamat dan selesa, JPNPk sentiasa menitikberatkan keperluan menyediakan kelengkapan dan peralatan yang diperlukan di TER.

SISTEM AMARAN KEPALA AIR

Pada tahun 2023, sejumlah RM100,000.00 telah diperuntukkan di bawah projek Sistem Amaran Kepala Air melalui peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH). Terdapat tujuh (7) kawasan TER di Negeri Perak yang telah siap dipasang sistem amaran kepala air sejak tahun 2013 yang berfungsi secara manual dan automatik. Kesemua sistem amaran kepala air ini perlu diselenggara secara berkala iaitu sekurang-kurangnya enam (6) bulan sekali.

Projek sistem amaran kepala air ini merupakan satu inisiatif yang dibangunkan oleh Jabatan ini dalam memberikan amaran dan makluman awal kepada petugas TER serta pengunjung terhadap ancaman kejadian kepala air agar tindakan segera dapat diambil di samping dapat mengurangkan risiko kemalangan dan kematian di TER.

Terdahulu, pada tahun 2022, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui JPSM telah memberi peruntukan sebanyak RM800,000.00 untuk membina Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) di dua (2) TER Negeri Perak iaitu TER Kledang Saiong dan TER Lata Iskandar. Sistem ini berupaya mengesan kejadian kepala air seawal lima (5) minit sebelum kejadian sebenar melalui sensor berdasarkan kelajuan arus air sungai serta mengukur kadar taburan hujan yang dipasang di hulu dan hilir sungai. Sistem ini turut disokong dan dilengkapi dengan aplikasi atas talian yang akan memberi amaran kepada pengunjung di TER melalui siren dan notifikasi di telefon pintar kepada semua pengguna aplikasi ini.

Senarai Taman Eko-Rimba yang mempunyai sistem amaran kepala air adalah seperti mana di Jadual 3.

Jadual 1 : Senarai Sistem Amaran Kepala Air di Taman Eko-Rimba JPNPk

Bil.	Daerah	Lokasi (TER)	Tahun Dibina	Jenis
1.	Perak Selatan	Kuala Woh	2013	Manual
2.		Lata Iskandar	2014	Manual
			2022	EWS (Automatik)
3.	Kuala Kangsar	Ulu Kenas	2013	Automatik
4.	Kinta / Manjung	Ulu Kinta	2014	Manual
5.		Papan	2014	Manual
6.		Kledang Saiong	2019	Manual
			2022	EWS (Automatik)
7.	Hulu Perak	Lata Kekabu	2015	Automatik

SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN

Program pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di bawah program ini bagi tahun 2023 adalah seperti berikut :

Naik taraf Bangunan

Pada tahun 2023, sebanyak RM500,000.00 peruntukan diberi untuk kerja-kerja naik taraf bangunan pejabat, kuarters, jeti dan stor rampasan bagi JPNPK. Perbelanjaan yang telah digunakan untuk membiayai kerja-kerja naik taraf tersebut adalah sebanyak RM498,740.00 (99.74%)

Penyelenggaraan Bangunan

Bagi tujuan penyelenggaraan bangunan, sebanyak RM845,000.00 peruntukan telah diberi untuk menyelenggara bangunan ibu pejabat JPNPK, pejabat hutan daerah dan pejabat renjer hutan serta kuarters yang terlibat. Daripada peruntukan ini, sebanyak RM822,857.00 (97.38%) telah dibelanjakan.

Bangunan kuarters pula sebanyak RM100,000.00 peruntukkantelah diberikan dan sebanyak RM97,866.00 (97.88%) telah dibelanjakan. Manakala stor rampasan dan jeti Trong menerima peruntukan sebanyak RM100,000.00 dan sebanyak RM99,795.00 (99.80%) telah dibelanjakan. JPNPK juga menerima peruntukan sebanyak RM150,000.00 bagi jeti JPNPK dan telah membelanjakan sebanyak RM149,460.00 (99.64%). Bangunan-bangunan ini di setiap daerah merupakan aset tak alih JPNPK yang perlu diselenggara dan dinaik taraf bagi memastikan keadaan bangunan tersebut dalam keadaan baik. Selain itu, keadaan bangunan yang selamat dan selesa diduduki boleh meningkatkan produktiviti serta prestasi kerja kakitangan jabatan.

Pembinaan Baharu Bangunan

Dalam rancangan pembangunan bagi tahun 2023, projek pembinaan baharu yang terlibat ialah Projek Membina Baharu Sebuah Bangunan Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak menerima sebanyak RM100,00.00 dan telah membelanjakan RM84,228.00 (84.23%), Projek Membina Baharu Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput pula menerima sebanyak RM30,000.00 dan membelanjakan sebanyak RM29,610.00 (98.70%).

Selain itu, Projek Membina Baharu Sebuah Bangunan Pejabat Hutan Daerah Perak Selatan, Sebuah Stor Rampasan dan Sebuah Bangunan Pejabat Ladang yang Dilengkapi Dengan Makmal, Stor Penyimpanan Biji Benih, Tapak Semaian Serta Lain-lain Kerja Berkaitan juga menerima sebanyak RM30,000.00 dan telah membelanjakan RM29,990.00 (99.97%) daripada peruntukan tersebut. Bagi Projek Membina Baharu Sebuah Bangunan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar dan Lain-Lain Kerja Berkaitan pula menerima peruntukan sebanyak RM30,000.00 dan RM29,550.00 (98.50%) telah dibelanjakan.

JPNPK juga menerima peruntukan sebanyak RM50,000 bagi Projek Membina Baharu Tandas Di Pejabat Renj. Kuala Trong, Daerah Larut & Matang dan telah membelanjakan sebanyak RM48,600.00 (97.20%) bagi projek tersebut.


Pembinaan Dan Penyelenggaraan Jalan Hutan

Pembinaan dan penyelenggaraan jalan hutan merupakan salah satu aspek di dalam pengurusan hutan secara mampan yang perlu dititikberatkan bagi mengurangkan risiko kerosakan hutan. Sebanyak RM170,000.00 telah diperuntukkan bagi tahun 2023 dan daripada jumlah ini, sebanyak RM114,850.00 (67.56%) telah dibelanjakan manakala bakinya telah ditarik balik untuk keperluan lain.

Pembelian Dan Penyelenggaraan Kenderaan

Pembangunan yang dilaksanakan memerlukan pemantauan yang rapi dengan melibatkan keperluan pengangkutan pacuan empat roda, bot, enjin dan sebagainya yang perlu berada dalam keadaan baik dan sempurna. Penyelenggaraan amat penting bagi memastikan jangka hayat kenderaan JPNP^k dapat bertahan lebih lama dan digunakan seoptimumnya bagi kerja-kerja penandaan sempadan, Inventori Hutan Sebelum Tebangan, Penandaan Pokok, Pengusahaan Hutan, Pembangunan hutan bagi Hutan Paya Laut dan Pemantauan di lapangan. Pada tahun 2023, seksyen ini telah menerima peruntukan sebanyak RM687,598.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan. Peruntukan ini telah dibelanjakan hampir sepenuhnya sebanyak RM687,597.61 (99.99%).

Sehubungan itu, pembelian kenderaan baharu dilaksanakan bagi membolehkan petugas-petugas di lapangan melaksanakan aktiviti dengan lebih sempurna dengan adanya kemudahan pengangkutan yang berkeupayaan baik dan selamat oleh sebab kerja-kerja pembangunan hutan yang ditawarkan terletak dalam kawasan HSK yang tiada kemudahan jalan yang sempurna. Projek-projek pembangunan hutan biasanya melibatkan kerja-kerja yang dijalankan di kawasan bekas lesen pembalakan. Begitu juga dengan penggunaan sampan dan bot untuk memantau kawasan usahasil arang kayu dan kayu jaras. Oleh itu perolehan kenderaan yang baik dan selamat amat diperlukan. Pada tahun 2023, seksyen ini telah menerima peruntukan sebanyak RM1,389.000.00 untuk kerja-kerja pembelian kenderaan. Peruntukan ini telah dibelanjakan sebanyak RM965,450.00 (69.50%).



SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI

PROJEK PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Ladang Hutan didefinisikan sebagai kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan atau spesies ladang hutan dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 hektar dan kawasan ladang sedia ada. Projek Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) mengamalkan Kaedah Tebang Habis Bersyarat. Kaedah Tebang Habis Bersyarat bermaksud tebang habis akan dijalankan di kawasan projek tetapi sesetengah kawasan akan dilindungi sebagai kawasan perlindungan tanah.

Ciri-ciri kawasan perlindungan tanah adalah seperti berikut:

- i. Kawasan yang mempunyai ketinggian melebihi 1,000 meter aras paras laut;
- ii. Kawasan berkecerunan melebihi 40°;
- iii. Kawasan yang mempunyai sejarah kejadian tanah runtuh, Kawasan yang berpotensi tinggi untuk mengalami tanah runtuh pada masa hadapan;
- iv. Zon penampungan alur air bagi semua sungai kekal di dalam kawasan projek hendaklah dikenalkan; dan
- v. Kawasan bersebelahan kawasan projek mempunyai fungsi HSK tertentu mengikut kehendak Pengarah Perhutanan Negeri Perak.

Sekiranya terdapat kawasan yang berkecerunan di antara 35° hingga 40° serta ketinggian di antara 600 meter hingga 1,000 meter dari paras laut maka kawasan tersebut tidak dibenarkan menjalankan kerja teres. Syarikat dikehendaki menanam pokok spesies hutan yang bersesuaian.

PPLH mula ditubuhkan pada tahun 2012. Penubuhan PPLH adalah merupakan strategi bagi menampung keperluan bahan mentah industri perkayuan dan mengurangkan kebergantungan terhadap hutan asli sedia ada pada masa akan datang. PPLH adalah projek ladang hutan yang diusahakan oleh syarikat swasta dengan kelulusan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan. Projek tersebut terletak di dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) untuk tujuan komersial dengan tempoh masa yang telah ditetapkan. Setiap aktiviti bagi PPLH dipantau agar mematuhi Enakmen Akta

Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Kaedah-Kaedah Hutan 1988, peraturan-peraturan hutan dan dasar-dasar perhutanan. Tujuan utama PPLH adalah seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan kayu-kayu bermutu sederhana serta berpatutan harganya untuk mengurangkan beban rakyat yang berpendapatan rendah;
- (ii) Menggantikan kawasan hutan terosot/miskin dengan ladang hutan bagi meningkatkan daya pengeluaran kawasan tersebut;
- (iii) Mengurangkan import kayu-kayu untuk menjimatkan pertukaran mata wang asing;
- (iv) Menghijaukan alam sekitar serta memberikan persekitaran yang lebih bersih dan meningkatkan kualitinya; dan
- (v) Mengurangkan tekanan ke atas hutan asli sebagai sumber bahan mentah.

ZON PEMBANGUNAN LADANG HUTAN

Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) ialah suatu kawasan di dalam HSK yang dibuat penzonan berasaskan maklumat yang diperoleh daripada Inventori Hutan Nasional, Inventori Hutan Sebelum Tebangan, tinjauan atau survei ke atas kawasan terokaan haram dan kawasan tanaman pindah serta kawasan terosot disebabkan insiden kebakaran hutan, penyakit dan serangan serangga. Kesemua kawasan tersebut dikenal pasti dan dizonkan sebagai hutan terosot/miskin dan sesuai untuk pembangunan ladang hutan.

ZPLH ditubuhkan berdasarkan “Panduan Penilaian Ke Atas Kawasan Dalam Hutan Simpanan Kekal Yang Dipohon Untuk Pembangunan Ladang Hutan” yang diedarkan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) Bil.1 Tahun 2010. ZPLH ditentukan berdasarkan kepada salah satu atau mana-mana ciri-ciri dalam Pekeliling KPPSM Bil.1 Tahun 2010. Ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut :-

- i. ZPLH terletak di dalam HSK;
- ii. Hutan Pengeluaran; dan
- iii. Hutan terosot/miskin.

Spesies Ladang Hutan yang dibenarkan adalah spesies pokok tempatan atau dagang yang mempunyai pulangan ekonomik dan mempunyai pusingan tebangan yang munasabah dengan regim pengurusan serta silvikultur yang sesuai. Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah meluluskan sebanyak 10 spesies pokok yang sesuai ditanam di ZPLH dalam HSK Perak seperti Rajah 1.



Rajah 1 : Spesies Tanaman Ladang Hutan yang Diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak

PETAK PERCUBAAN TANAMAN SPESIES LADANG HUTAN

Seksyen Ladang Hutan dan Inovasi juga telah menubuhkan petak percubaan tanaman spesies-spesies ladang hutan yang terdiri daripada pelbagai spesies tertentu di kawasan hutan terosot/miskin. Matlamat petak ini adalah untuk mengkaji kesesuaian spesies tertentu dalam HSK dan juga situasi hutan terosot/miskin.

Antara spesies tersebut adalah seperti tanaman Pinus, Yamane, Getah, Karas, Jati, Sentang, Meranti Temak Nipis, Meranti Tembaga dan Meranti Sarang Punai. Bagi penyelenggaraan petak tanaman ini, iaanya dilaksanakan secara dalaman yang melibatkan kakitangan JPNPK dan sesetengah daripadanya secara kontrak. Pokok yang telah matang seperti getah, JPNPK akan mengeluarkan lesen kecil bagi pengeluaran hasil bukan kayu iaitu lateks/susu getah.

Bagi mendapatkan data tumbesaran spesies pokok hutan pula, sebanyak 100 pokok akan dijadikan sebagai Petak Contoh Kekal (PCK) yang mana bancian akan dilaksanakan secara berkala dan data tersebut akan dikumpulkan untuk dilaporkan kepada JPSM melalui sistem e-PCK.

PERAK OXYGEN-LAND BANK

Kerajaan Negeri Perak melalui JPNPK telah memperkenalkan program pokok angkat dan penanaman pokok melalui Perak Oxygen-Land Bank (POLB) bagi merealisasikan konsep ‘Forest Beyond Timber’ serta meningkatkan kualiti dirian hutan. Program ini merupakan salah satu inisiatif JPNPK bagi merealisasikan komitmen Kerajaan Negeri dalam mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan dan diliputi pokok. Perak Oksigen Land Bank (POLB) adalah program jangka panjang (*long term programme*) yang bermula pada tahun 2019. POLB ditawarkan kepada badan korporat, syarikat swasta, *Non-Government Organization* (NGO) dan individu yang berminat melalui pendekatan *Corporate Social Responsibility* (CSR). Program ini berpotensi menjana hasil baharu kepada Kerajaan Negeri dan mengurangkan kebergantungan kepada penghasilan hutan, seterusnya meningkatkan imej Kerajaan Negeri Perak. Secara umumnya, tapak utama POLB adalah petak percubaan tanaman spesies ladang hutan yang terletak di Hutan Simpan Chikus, Daerah Hutan Perak Selatan.

PETAK FENOLOGI

JPSM telah menubuhkan beberapa petak fenologi di HSK negeri Perak bagi tujuan memerhati perubahan pada pokok dan menentukan masa yang sesuai untuk membuat kutipan biji benih. Justeru itu, seksyen ini bertanggungjawab membuat pemantauan secara berkala dan maklumat pemerhatian fenologi yang diperoleh akan dilaporkan melalui *Electronic Forest Genetic Resources System* (e-FORGRIS) mengikut kod yang telah ditetapkan.

RAWATAN DAN PENYELENGARAAN LADANG HUTAN

Peruntukan diterima sebanyak RM140,000.00
Perbelanjaan sebanyak RM79,175.00
Baki sebanyak RM60,825.00

Projek-projek yang merangkumi aktiviti perkhidmatan penyelengaraan dan pembersihan petak tanaman ladang iaitu:

1. Perkhidmatan menyelenggara kawasan dan bancian tumbesaran di petak percubaan tanaman spesies-spesies ladang hutan Negeri Perak – Petak Progeni Tanaman Jati (*Tectona Grandis*) di Sbhg. Kompt. 4, Hutan Simpan Papulut, Daerah Hutan Hulu Perak seluas 1.20 hektar

Perbelanjaan sebanyak RM39,550.00
Baki sebanyak RM40,450.00

2. Perkhidmatan menyelenggara kawasan dan bancian tumbesaran di petak percubaan tanaman spesies ladang hutan Negeri Perak – Petak Tanaman Pelbagai Spesies *Pinus* di Sbhg. Kompt. 124, 152 & 154 Hutan Simpan Bukit Tapah, Daerah Hutan Perak Selatan seluas 17.5 hektar

Perbelanjaan sebanyak RM39,625.00
Baki sebanyak RM825.00

PEROLEHAN BIJI BENIH DAN BAHAN TANAMAN

Seksyen ini bertanggungjawab untuk merancang, mengatur dan memantau aktiviti pengutipan biji benih dan bahan tanaman pokok hutan di seluruh Negeri Perak. Kelengkapan peralatan perolehan biji benih juga di bawah seliaan seksyen ini. Antara kaedah yang digunakan bagi aktiviti perolehan biji benih yang digunakan oleh JPNPK adalah dengan menggunakan galah bagi pokok rendah iaitu sekitar tiga hingga lima meter, mengutip biji benih jatuh secara semula jadi di atas lantai hutan, melastik tali ke dahan bagi pokok tinggi, menggoncang dahan dengan menggunakan tali dan kaedah memanjang *single and double rope technique* yang telah dibekalkan oleh JPSM dan JPNPK untuk menjatuhkan biji benih oleh pasukan perolehan.



Rajah 2 : Pasukan perolehan biji benih menjalankan aktiviti mengambil biji benih

Aktiviti perolehan biji benih adalah terbuka kepada semua warga kerja JPNPK yang berminat dan akan diberi latihan asas berkaitan peralatan serta kaedah ikatan. Selanjutnya, kakitangan yang terpilih untuk menyertai pasukan memanjang dan perolehan biji benih akan diberikan latihan lanjutan bagi memberi kemahiran dan keyakinan terutamanya kepada pemanjang yang akan bekerja di atas dahan pokok.

Selain aktiviti memanjat untuk mendapatkan biji benih, pasukan ini turut diberi tanggungjawab untuk mengadakan demonstrasi perolehan biji benih serta pameran peralatan dan kelengkapan memanjat untuk program rasmi. Sehingga Disember 2023 sejumblah 117.0 kg biji benih telah berjaya dikutip dan telah diedarkan ke tapak semaihan daerah hutan untuk tujuan semaihan. Rekod kutipan biji benih adalah seperti di Jadual 1

Jadual 1: Rekod Kutipan Biji Benih Bagi Tahun 2023

BIL.	LOKASI	DAERAH	SPESIES	JUMLAH KUTIPAN ANAK BENIH	BERAT (kg)
1.	Kekal Selangor	Kepong	Meranti Rambai Daun (<i>Shorea acuminata</i>)	20,700	15.0
2.	Bukit Tapah	Perak Selatan	Keruing Bulu (<i>Dipterocarpus boudii</i>)	11,600	36.0
3.	Bukit Tapah	Perak Selatan	Meranti Pipit (<i>Shorea assamica</i>)	3,680	8.0
4.	Kawasan Kilang	Chemor	Merawan Siput Jantan (<i>Hopea odorata</i>)	174,000	58
JUMLAH KESELURUHAN				209,980	117

PASUKAN PENYELAMAT PERHUTANAN

Pasukan Semut Merah yang ditubuhkan sejak tahun 2008 telah dijadikan sebagai Pasukan Penyelamat Perhutanan susulan daripada keputusan Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-41 dan Ke-42. Pasukan Penyelamat Perhutanan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) berfungsi sebagai pasukan penyelamat dan pemadam kebakaran hutan di negeri Perak.

Pasukan Penyelamat Perhutanan JPNPK bertanggungjawab mengenal pasti dan memantau kawasan Titik Panas (*Hotspot*) di HSK Negeri Perak melalui Analisa Data Raya (*Big Data Analytics-BDA*) yang disalurkan oleh JPSM. Selain itu, pasukan ini juga bertanggungjawab membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam melaksanakan operasi pemadaman dan pencegahan kebakaran hutan dengan bantuan kakitangan Pejabat Hutan Daerah.


Sepanjang tahun 2023, terdapat enam (6) operasi pemadaman dan pencegahan kebakaran hutan telah dilaksanakan. Laporan kebakaran hutan di Negeri Perak Darul Ridzuan bagi tahun 2023 adalah seperti di Jadual 2.

TARIKH	LOKASI	PUNCA KEBAKARAN	KELUASAN (Ha)
BULAN JANUARI			
Tiada Rekod Kebakaran			
BULAN FEBRUARI			
Tiada Rekod Kebakaran			
BULAN MAC			
8.3.2023	Sbhg. Kompt 5, Hutan Simpan Gerik, Daerah Hutan Hulu Perak	Kebakaran berlaku dibawah laluan talian TNB	10.0
17.3.2023	Sbhg. Kompt 55, Hutan Simpan Bukit Slim, Tapah, Daerah Hutan Perak Selatan	Penerokaan oleh Masyarakat Orang Asli Pos Tenau bagi tujuan pertanian	1.0
30.3.2023	Sbhg. Kompt. 173, Hutan Simpan Korbu, Daerah Hutan Kuala Kangsar	Aktiviti Pertanian	0.29

TARIKH	LOKASI	PUNCA KEBAKARAN	KELUASAN (Ha)
BULAN APRIL			
Tiada Rekod Kebakaran			
BULAN MEI			
Tiada Rekod Kebakaran			
BULAN JUN			
1.6.2023	Sbhg. Kompt. 137, Hutan Simpan Korbu, Daerah Hutan Kuala Kangsar	Penerokaan oleh Masyarakat Orang Asli Kampung Santeh bagi tujuan pertanian	0.50
2.6.2023	Sbhg. Kompt. 173, Hutan Simpan Bukit Tapah, Daerah Hutan Perak Selatan.	Penerokaan oleh masyarakat orang asli bagi tujuan pertanian.	0.26
BULAN JULAI			
Tiada Rekod Kebakaran			
BULAN OGOS			
5.8.2023	Sbhg. Kompt. 37, Hutan Simpan Kenderong, Daerah Hutan Hulu Perak	Pembakaran berpunca dari cuaca yang sangat panas.	4.0
BULAN SEPTEMBER			
Tiada Rekod Kebakaran			
BULAN OKTOBER			
Tiada Rekod Kebakaran			
BULAN NOVEMBER			
Tiada Rekod Kebakaran			
BULAN DISEMBER			
Tiada Rekod Kebakaran			


JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Seksyen ini turut bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan dan menyelia segala aktiviti yang mempunyai risiko melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi memastikan kakinangan dan orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya serta sentiasa berada dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat setakat yang mampu. Ini bagi memastikan ianya adalah selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JPNPK yang telah diwujudkan.



PROJEK PERHUTANAN SOSIAL

Perhutanan sosial merupakan program yang melibatkan Orang Asli dan masyarakat setempat atas inisiatif sendiri atau dengan kerjasama pihak berkepentingan dalam pengurusan hutan demi kelangsungan hidup dari aspek sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar.



Seterusnya, amalan perhutanan telah diperluas kepada aktiviti lain seperti pemuliharaan kawasan pesisiran pantai, ekopelancongan, taman rekreasi, penubuhan taska dan menjalankan program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran Orang Asli dan masyarakat setempat. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat, meningkatkan produktiviti tanah dan litupan hutan yang terdegradasi dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan memulihara biodiversiti.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri turut memberi sokongan dan menggalakkan perhutanan sosial di dalam HSK Negeri Perak supaya pengurusan hutan secara lestari di samping meningkatkan ekonomi dan taraf hidup Orang Asli dan masyarakat setempat. Kebajikan Orang Asli dan masyarakat setempat ini perlu dimasukkan dan diambil kira dalam pengurusan hutan supaya kesejahteraan hidup Orang Asli dan masyarakat setempat yang bergantung sepenuhnya kepada hasil dan perkhidmatan hutan terjamin.

SEKSYEN HASIL BUKAN KAYU & LATIHAN

Seksyen Hasil Bukan Kayu & Latihan (HBKL) bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan kerja-kerja penubuhan kawasan tanaman, rawatan serta penyelenggaraan tanaman herba, buluh dan rotan dalam HSK dan kawasan yang bersesuaian. Selain itu, HBK juga berperanan untuk memproses lesen-lesen pengusaha hasilan berdasarkan produk hutan bukan kayu seperti buluh, rotan, petai, tanah merah, batu batan (kuari) dan lain-lain. Manakala Unit Latihan bertanggungjawab merancang Program Latihan Tahunan, mengkoordinasi dan melaksanakan kursus kepada kakitangan jabatan serta menyelaras penempatan pelajar latihan industri dari Institut Pengajian Tinggi.

HASIL BUKAN KAYU

PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN HERBA

Sebanyak RM210,000.00 telah diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) untuk Projek Pembangunan dan Penyelenggaraan Taman Herba. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM50,738.00 telah dibelanjakan bagi tujuan pembangunan Penubuhan Taman Pemeliharaan Ex-Situ Herba Lenggong, Daerah Hulu Perak. Taman Herba Lenggong ditubuhkan sebagai ‘Muzium Etnobotani’ yang bertujuan memperkenalkan kepada para pelawat dari dalam maupun luar negeri/negara untuk mengenali dan mengetahui jenis dan kegunaan tumbuhan-tumbuhan herba.

KURSUS DAN LATIHAN PERHUTANAN

JPNPk ini komited terhadap Program Pembangunan Sumber Manusia yang terancang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan terutamanya berkaitan skop perhutanan. Pada tahun 2023, sejumlah 33 kursus/bengkel/taklimat berjaya dilaksanakan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM252,673.89 daripada RM280,000.00 yang diperuntukan. Senarai kursus tahun 2023 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Kursus Yang Dilaksanakan Tahun 2023

BIL.	TAJUK KURSUS	TARIKH
1	Kursus Kepimpinan	30 Januari – 1 Februari
2	Taklimat Berkaitan Hak Pekerja Hutan Untuk Memperoleh Faedah-Faedah Pekerjaan Dan Perlindungan Sosial	7 Februari
3	Latihan Pengendalian Senjata Api dan Menembak Bagi Pegawai dan Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak Tahun 2023	23 Februari
4	Kursus Pengenalan ArcGIS (<i>War room</i>)	15 – 16 Mac
5	Kursus Industri Berdasarkan Kayu	20 - 21 Mac
6	Kursus Berenang & Menyelam Dalam Air	21 - 22 Mac
7	Kursus Pengenalan Kepada Organisasi Bagi Lantikan Baharu Tahun 2022	22 – 26 Mei
8	Kursus Pengurusan Tapak Semaian	7 – 9 Jun
9	Kursus Pemanduan dan Penyelenggaraan Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4)	13 - 15 Jun
10	Kursus Pemahaman Standard MS ISO 9001:2015	13 - 15 Jun
11	Kursus Pengurusan Sisa Buangan Terjadual	20 - 21 Jun
12	Kursus Inventori selepas Tebangan (Post-F)	6 – 7 Julai
13	Kursus Penggunaan ArcGIS dalam Perhutanan	11 - 14 Julai
15	Kursus Pemahaman Pengurusan Hutan mengikut Standard MC&I Siri 1	26 - 28 Julai
16	Kursus Pengecaman Pokok dan Dendrologi	1 – 4 Ogos
19	Kursus Pemahaman Pengurusan Hutan mengikut Standard MC&I Siri 2	28-30 Ogos
20	Kursus Pemantapan Pelaksanaan Pembalakan Berimpak Rendah (RIL) Siri 1	6-8 September
21	Kursus Balai Pemeriksaan Hutan Siri 1	12-14 September
22	Taklimat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP OSH-C)	25 September
23	Kursus Asas “Tree Climbing”	25 - 27 September
24	Kursus Tebangan Berarah	17 – 19 Oktober
25	Kursus Pengendalian Haiwan Berbisa	17 - 19 Oktober
26	Kursus Pengendalian Bot & Taklimat Keselamatan Bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak 2023	23 - 24 Oktober
27	Kursus Pemantapan Pasukan Menyelamat Jabatan Perhutanan Negeri Perak Siri 1 Tahun 2023	23 - 26 Oktober
28	Kursus Pengecaman Isi Kayu	25 - 27 Oktober
29	Bengkel Penggunaan Sistem eMMFR V2.0	30 Oktober
30	Kursus Balai Pemeriksaan Hutan Siri 2	31 Oktober – 1 November
31	Kursus Pemantapan Risikan, Prosedur Penguatkuasaan Hutan & Siasatan	6 - 10 November
32	Kursus Pengurusan Kenderaan Jabatan Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak.	7 - 8 November
33	Kursus Mesurasi Hutan	15 - 17 November

ARTIKEL

97

PERAK MENYASARKAN LEBIH RAMAI SYARIKAT SWASTA DAN KORPORAT MENYUMBANG MELALUI YAYASAN HIJAU MALAYSIA BAGI PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: PENANAMAN 100 JUTA POKOK 2021-2025

Disediakan oleh: Murni binti Samsuddin
Seksyen Silvikultur dan Kepelbagai Biologi
MANJUNG, 25 FEBRUARI 2023

JPNPk dengan kerjasama Yayasan Hijau Malaysia telah menganjurkan Program Penanaman Pokok bersama Mitsubishi Motors Malaysia pada 25 Februari 2023 di Hutan Simpan Tanjung Burung, Daerah Kinta/Manjung Perak. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Shinya Ikeda, *Chief Executive Officer*, Mitsubishi Motors Malaysia.

Program ini turut dihadiri oleh Encik Ilham Helmi Bin Izzat, *Chief Operation Officer*, Encik Hidehiko Amano, *Chief Operation Officer*, Encik Wan Muhammad Hazirim bin Wan Mustapha, Head of Department, Project Development Division dan Encik Azmi bin Mohd Zain, Ketua Penolong Pengarah (Silvikultur dan Kepelbagai Biologi).

Dalam program ini sebanyak 1,125 pokok telah ditanam iaitu dari spesies pokok Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*) dan pokok Bakau Minyak (*Rhizophora apiculata*) pada program ini.

Penganjuran program yang diadakan buat julung-julung kali ini membuktikan bahawa syarikat-syarikat swasta dan korporat sangat komited dalam bersama-sama kerajaan Malaysia untuk memelihara dan memulihara alam sekitar di samping dapat mengurangkan kesan perubahan iklim yang melanda Negeri ini. Selain itu, melalui penganjuran program ini dapat membantu meningkatkan kesedaran dalam diri setiap peserta terutamanya kepentingan alam sekitar dan kawasan hutan yang perlu sentiasa dipelihara dan dipulihara pada setiap masa.

Diharapkan lebih banyak lagi penglibatan syarikat swasta dan korporat yang komited mengikuti program seumpama ini selain menambah kesedaran melalui aktiviti penanaman pokok ini.



MAJLIS PERASMIAN SISTEM AMARAN AWAL KEPALA AIR (EWS) DAN KICK-OFF PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BAGI TAHUN 2023

Disediakan oleh: Siti Aisyah binti Yaacob
Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan
IPOH, 27 FEBRUARI 2023

Majlis Perasmian Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) dan Kick Off Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Tahun 2023 telah diadakan pada 27 Februari 2023 bertempat di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong dan telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Haji Saarani bin Mohamad. Turut hadir, YB Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa (JK) Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, YB Dato' Seri Ir Mohamad Nizar bin Jamaluddin, Pengerusi JK Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam, YB Mohd Azlan bin Helmi, Pengerusi JK Komunikasi, Multimedia dan NGO, YB Salbiah binti Mohamed, Pengerusi JK Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan, YB Mohd Zaki bin Mahyudin, Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, dan Dato' Mohamed Zin bin Yusop, Pengarah Perhutanan Negeri Perak.

Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) ini merupakan satu inisiatif Jabatan Perhutanan Negeri Perak dalam menyediakan satu kawasan rekreasi yang selamat dan selesa kepada pengunjung. Pemasangan Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) ini bertujuan untuk memberi amaran awal kepada pengunjung terhadap terhadap risiko berlakunya kejadian kepala air yang boleh membahayakan pengunjung. Sistem ini mampu mengesan tanda-tanda awal fenomena kepala air secara automatik dalam tempoh 5 hingga 10 minit sebelum kejadian dan mengeluarkan amaran kepada pengunjung supaya beredar dari kawasan berisiko dan berpindah ke lokasi yang lebih selamat.

Sehingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah melaksanakan pemasangan Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) di dua lokasi Taman Eko-Rimba iaitu di Taman Eko-Rimba Kledang Saiong dan Taman Eko-Rimba Lata Iskandar. Pemasangan Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) di Taman Eko-Rimba lain akan dijalankan secara berperingkat.



Ucapan Perasmian oleh YAB Menteri Besar Perak, YAB Dato' Haji Saarani bin Mohamad



Tayangan Montaj dan Gimik Perasmian Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) oleh YAB Menteri Besar Perak, YAB Dato' Haji Saarani bin Mohamad



Lawatan ke Stesen Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS)



Penanaman Pokok Sempena Kick-Off Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Tahun 2023 oleh YAB Menteri Besar Perak, YAB Dato' Haji Saarani bin Mohamad

LAWATAN KAJIAN TEKNIKAL TENTANG IMPLEMENTASI CONSERVATION ASSURED, TIGER STANDARDS (CA|TS) DI KAWASAN ‘FOREST DIVISION’ DI INDIA

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan
INDIA, 5 MAC 2023 - 11 MAC 2023

Conservation Assured Tiger Standards (CA|TS) merupakan skim akreditasi antarabangsa yang diperkenalkan bagi memperkuuhkan pengurusan kawasan habitat harimau yang efektif serta merangkumi standard dan kriteria asas bagi perlindungan spesies yang ikonik dan penting ini di samping dapat mempamerkan tahap komitmen dalam usaha melindungi harimau. Matlamat utama skim akreditasi CA|TS ini adalah untuk membantu menstabilkan dan meningkatkan populasi harimau. Pada tahun 2017, Taman Negeri Royal Belum (TNRB) yang telah didaftarkan di bawah skim akreditasi antarabangsa CA|TS. Susulan itu, satu bengkel kajian kesesuaian pelaksanaan CA|TS bagi keempat-empat HSK yang bersempadan dengan TNRB iaitu Hutan Simpan Temengor, Hutan Simpan Gerik, Hutan Simpan Amanjaya dan Hutan Simpan Banding telah diadakan pada Jun 2022 dengan kerjasama antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) dan WWF-Malaysia. Bengkel tersebut bertujuan memberi pengenalan mengenai CA|TS kepada pihak pemegang taruh yang berkaitan dan untuk menilai kesesuaian pelaksanaan CA|TS melalui penilaian CA|TS Lite (ringkasan kepada keseluruhan standard CA|TS). Sehubungan itu, pendaftaran keempat-empat HSK yang bersempadan dengan TNRB adalah penting untuk memastikan pengurusan habitat harimau yang berkesan, selaras dengan piawaian yang terdapat di dalam CA|TS.

Oleh itu, WWF-Malaysia dengan kerjasama JPNPK telah menganjurkan lawatan teknikal ke India melibatkan seramai 16 orang peserta yang terdiri daripada JPNPK, WWF-Malaysia bersama beberapa agensi yang lain seperti UPEN, Pejabat EXCO Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Pemilihan India sebagai lokasi lawatan adalah dengan mengambil kira pelaksanaan CA|TS di kawasan hutan pengeluaran dan mengambil kira pencapaian

negara tersebut sebagai negara yang paling banyak mendaftarkan tapak CA|TS di dunia. Tujuan lawatan sambil belajar ini adalah untuk memahami dengan lebih lanjut tentang pelaksanaan CA|TS di kawasan hutan pengeluaran sebagai langkah persediaan bagi pendaftaran CA|TS untuk keempat-empat HSK tersebut. Selain itu, lawatan ini juga memberi peluang untuk ahli delegasi melawat tapak-tapak lain (kawasan hutan perlindungan) yang telah mencapai akreditasi CA|TS (CA|TS Accredited Forest Divisions) di India dari segi pentadbiran dan implementasi CA|TS secara keseluruhannya. Lawatan teknikal tertumpu kepada perjumpaan, perbincangan serta lawatan lapangan dan teknikal bersama agensi dan organisasi penting yang menerajui pelaksanaan CA|TS di India seperti *National Tiger Conservation Authority (NTCA)*, *Global Tiger Forum (GTF)*, *WWF India*, *Lansdowne Forest Division*, *Ramnagar Forest Division* dan *Corbett Tiger Reserve*. Antara faktor kejayaan India dalam meningkatkan populasi harimau di negara tersebut adalah disebabkan oleh komitmen yang tinggi daripada kerajaan melalui pengenalan Projek Harimau, kerjasama yang kukuh serta koordinasi kerja yang baik diantara agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan serta inovasi teknologi telah diperkenalkan seperti sistem pemantauan menggunakan satelit (*e-surveillance*), rondaan menggunakan aplikasi ‘MSTRIPES’ dan GPS, dan penglibatan komuniti setempat di dalam kawasan pengurusan.

Lawatan teknikal ini telah membantu memberikan gambaran serta pemahaman yang lanjut kepada peserta program tentang amalan pengurusan yang baik berkaitan dengan usaha konservasi harimau dan pelaksanaan CA|TS di India. Lanjutan daripada lawatan teknikal ini, satu kertas cadangan untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak telah disediakan dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri.





Gambar kumpulan semasa mesyuarat dan perbincangan di *National Tiger Conservation Authority*



Pembentangan berkaitan Pengurusan Hutan di Malaysia Khususnya di Negeri Perak oleh Encik Azni Rahman bin A.Wahid mewakili JPNPK



Gambar kumpulan semasa mesyuarat dan perbincangan di Kotdwara



Gambar kumpulan semasa lawatan di kolam air Ramnagar bagi tujuan sebagai air minuman kepada hidupan liar semasa musim kering.



Gambar kumpulan bersama Pegawai Hutan Daerah Ramnagar dan Taman Negara Jim Corbett



Gambar kumpulan semasa lawatan di tapak semaian Ramnagar



Gambar kumpulan semasa lawatan di Taman Negara Jim Corbett



PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: PENANAMAN 100 JUTA POKOK SEMPENA SAMBUTAN 101 TAHUN PANDU PUTERI PERAK

Disediakan oleh: Murni binti Samsuddin
Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaiannya Biologi
Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U), Perak, 18 MAC 2023



Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama Pandu Puteri Perak telah menganjurkan Program Penghijauan Malaysia: Penanaman 100 Juta Pokok Sempena Sambutan 101 Tahun Pandu Puteri Perak pada 18 Mac 2023 di Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput (U), Perak. Program ini diadakan bersempena sambutan 101 tahun Pandu Puteri Perak dan telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Zara Salim, Permaisuri Negeri Perak Darul Ridzuan untuk merasmikan program ini dan berkenan untuk menanam

pokok Cempaka (*Magnolia champaka*). Sejumlah 255 pokok telah ditanam yang terdiri daripada spesies pokok Merawan siput jantan (*Hopea odorata*), Keruing bulu (*Dipterocarpus baudii*) dan Cempaka (*Magnolia champaka*) pada program tersebut.

Program ini turut dihadiri oleh Duli Yang Amat Mulia (DYAM) Tunku Soraya Binti Al-Marhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan, YABhg. Datin Seri Aezer binti Zubin, Isteri YAB Menteri Besar Perak, Yang berusaha Puan Munira Saliza binti Saleh, Pengurus Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan Daerah Kuala Kangsar, Yang Berusaha Puan Tee Huey Ghee, Ketua Pesuruhjaya Cawangan Persatuan Pandu Puteri Malaysia Cawangan Perak dan Yang Berusaha Puan Siti Dessyma binti Isnani, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Perak. Sambutan ini juga turut diserikan dengan kehadiran seramai 350 pelajar sekolah seluruh Negeri Perak yang merupakan ahli Persatuan Pandu Puteri Negeri Perak Darul Ridzuan.

Penganjuran program ini bertujuan untuk menyokong Program Penghijauan Malaysia yang telah dilancarkan pada 5 Januari 2021 yang lalu disamping dapat membantu memeliha dan memulihara alam sekitar dan seterusnya mengurangkan kesan perubahan iklim selain mengekalkan 50% kawasan berhutan dari keluasan tanah negeri ini serta memberikan pendedahan kepada semua ahli Persatuan Pandu Puteri akan kepentingan pokok dan kepentingan alam sekitar yang bersih.

Di samping aktiviti penanaman pokok, pelbagai lagi aktiviti dan pertandingan yang diadakan sepanjang program ini berlangsung antaranya adalah pertandingan mewarna, pertandingan baju berhias, pertandingan melukis dan pameran turut diadakan.





PROMOSI TAMAN EKO RIMBA MELALUI LAGU SANDIWARA ALAM DI SELAMAT PAGI MALAYSIA

Disediakan oleh: Siti Aisyah binti Yaacob
Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan
ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR, SABTU, 17 JUN 2023

Selamat Pagi Malaysia melalui segmen Selebriti Minggu Ini telah menjemput Ekay Ekhuan, Lan Solo dan Amy Nur Tinie sebagai selebriti jemputan bagi mempromosikan Lagu Sandiwara Alam yang merupakan salah satu cara terbaru bagi mempromosikan Taman Eko-Rimba (TER) di Negeri Perak. Lirik lagu Sandiwara Alam ini adalah hasil garapan daripada Pengarah Perhutanan Negeri Perak iaitu Dato' Mohamed Zin bin Yusop dan susunan lagu adalah hasil kerja Zaid Hamzah (Acoi Floor88). Kakitangan JPNPK juga telah terlibat di dalam pembikinan lagu dan video muzik Sandiwara Alam.

Sandiwara Alam adalah produk terbaru Jabatan Perhutanan Negeri Perak bagi menyahut saranan Kerajaan Negeri untuk mengadakan program atau aktiviti yang boleh memberikan impak positif kepada imej negeri. Selain itu, penghasilan lagu ini juga adalah suatu kaedah baharu dalam mempromosikan sektor ekopelancongan di bawah seliaan JPNPK dengan mengetengahkan 13 lokasi Taman Eko-Rimba. Melalui pelancaran lagu ini, Negeri Perak merupakan negeri pertama yang melancarkan lagu berunsurkan Taman Eko-Rimba di Semenanjung Malaysia.

Lagu ini adalah sumbangan rasmi kedua Encik Azrul Ekhuan bin Eliah atau lebih dikenali sebagai Ekay Ekhuan melalui nama pentasnya yang juga merupakan Pegawai Hutan Daerah Hulu Perak selepas penglibatan pertama dalam lagu rasmi berjudul Penghijauan Malaysia sempena Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang masih berlangsung sejak tahun 2021 hingga 2025.





AUDIT PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN MC&I (SFM) DI FMU PERAK TAHUN 2023

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan
10 - 14 JULAI 2023

A. AUDIT DALAMAN JPSM MC&I (SFM):

Pelaksanaan Audit Dalaman Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) mengikut Standard ‘Kriteria Dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan [MC&I (SFM)]’ Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah dilaksanakan pada 10 hingga 14 Julai 2023. Tujuan pagauditian ini adalah seperti man berikut:

- (i) Untuk menilai ketersediaan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Hutan mengikut Standard ‘Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan [MC&I (SFM)]’ bagi Jabatan Perhutanan Negeri Perak;
- (ii) Untuk menentukan pematuhan undang-undang dan pelaksanaan peraturan kerja yang dilaksanakan Jabatan Perhutanan Negeri Perak adalah mematuhi Sistem Pengurusan Hutan mengikut Standard “Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan [MC&I (SFM)]”; dan
- (iii) Untuk menilai maklum balas yang diambil oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak ke atas teguran ketakakuran dan pemerhatian semasa pelaksanaan Audit Bebas Sistem Pengurusan Hutan mengikut Standard “Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan [MC&I (SFM)]” (jika berkaitan).



Hasil pengauditan tersebut telah menemui sebanyak dua (2) Ketakakuran (*Non-Conformity Report-NCR*) ditemui di bawah petunjuk 4.1.1 dan 5.3.1 dan 2 pemerhatian (*Opportunities for Improvement - OFI*) di bawah petunjuk 4.2.5 dan 7.1.1 Standard “Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan [MC&I (SFM)]. Tindakan pembetulan telah dilaksanakan secara dokumen dan di lapangan.





B. AUDIT BEBAS MC&I (SFM) OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN BHD:

Pelaksanaan pengauditan pensijilan semula MC&I (SFM) bagi Unit Pengurusan Hutan (FMU) Perak oleh pihak Audit Bebas SIRIM QAS International Sdn Bhd telah dilaksanakan pada 2 hingga 6 Oktober 2023. Hasil pengauditan tersebut telah menemui sebanyak 1 Ketakakuran Major (Major NCR) di bawah petunjuk 8.3.1, 3 Ketakakuran Minor (Minor NCR) ditemui di bawah petunjuk 4.4.1, 6.5.3 dan 6.6.2 dan 3 pemerhatian (OFI) di bawah petunjuk 1.6.2, 3.1.3 dan 7.3.2 Standard “Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Mampan [MC&I (SFM)]. Tindakan pembetulan telah dilaksanakan secara dokumen dan di lapangan dan audit verifikasi perlu dilaksanakan untuk melihat semula tindakan pembetulan yang telah dilaksanakan bagi ketakakuran major (Major NCR).



C. AUDIT VERIFIKASI MC&I (SFM) OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN BHD:

Pelaksanaan Verifikasi pensijilan semula MC&I (SFM) bagi FMU Perak oleh pihak Audit Bebas SIRIM QAS International Sdn Bhd telah dilaksanakan pada 12 hingga 14 Disember 2023 untuk melihat semula tindakan pembetulan yang telah dilaksanakan bagi ketakakuran major (Major NCR) di bawah petunjuk 8.3.1. Hasil semakan melalui dokumen dan di lapangan telah mendapati tindakan pembetulan telah dilaksanakan dan telah disyorkan untuk disijilkan semula MC&I (SFM) bagi FMU Perak untuk tempoh lima (5) tahun akan datang sehingga 31 Mei 2029.



EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BILOGI HUTAN DI HUTAN SIMPAN BEHRANG, TAPAH

Disediakan oleh: Mis Maizura binti Amat Kaulan
Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi
IPOH, 28 OGOS 2023

Pada 13 hingga 18 Ogos 2023, JPNPK dengan kerjasama JPSM telah menganjurkan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Behrang, Tapah. Ekspedisi ini diadakan bagi mengumpul maklumat-maklumat kepelbagaian biologi di sekitar kawasan Hutan Simpan Behrang, Daerah Hutan Perak Selatan dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam pengurusan hutan. Ekspedisi kali ini diketuai oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Latif bin Mohamad, mantan pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta melibatkan seramai 80 orang penyelidik dan peserta daripada JPSM, JPNPK, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM),



agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah memberi komitmen dan kerjasama yang jitu dengan menyediakan kemudahan penginapan, dewan dan kelengkapan yang diperlukan sepanjang ekspedisi ini berlangsung.

Majlis Flag-off telah disempurnakan oleh Puan Siti Dessyma binti Isnani, Timbalan Pengarah (Pembangunan) JPNPK dan Prof. Norkhalid Salimin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPSI pada 14 Ogos 2023. Manakala Majlis Perasmian Penutup Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Behrang, Tapah telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Mohd Ridza bin Awang, Ketua





yang diperolehi di Hutan Simpan Behrang, Tapah yang akan diadakan melalui seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagai Biologi yang akan diadakan pada tahun 2024.



Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 17 Ogos 2024 bertempat di Dewan Auditorium Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan turut dihadiri oleh Pengarah Perhutanan Negeri Perak, YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf dan Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti, Prof. Madya Dr. Mohd Azlan Nafiah.

Ekspedisi Saintifik Kepelbagai Biologi ini akan menjadi satu platform kepada kumpulan pakar dan penyelidik bagi membentang dan membincangkan hasil penemuan kajian dalam aspek fizikal kawasan, sumber biodiversiti dan produk eko-pelancongan



OPERASI PENGUATKUASAAN SMART NEGERI PERAK BIL. 1/2023 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Muhammad Qayyum bin Muhamad Suhaimi

Seksyen Penguatuasaan Hutan

IPOH, 28 OGOS 2023



JPNPk meneruskan aktiviti Pemantauan Rondaan dan Penguatuasaan berasaskan *Spatial Monitoring And Reporting Tool (SMART)* Patrol bagi mengukuhkan pemantauan, perisikan, siasatan dan pendakwaan yang melibatkan lima daerah Hutan iaitu Daerah Hutan Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta / Manjung, Perak Selatan dan Larut & Matang pada 22 hingga 28 Ogos 2023 bertempat di Dewan Rimbawan Ibu Pejabat JPNPk. Taklimat Penguatuasaan SMART Negeri Perak Bil. 1/2023 ini disertai oleh semua Pegawai Hutan Daerah dan juga pasukan penguatuasaan di Pejabat Hutan Daerah. Operasi Penguatuasaan SMART Negeri Perak Bil. 1/2023 ini di seliakan oleh Seksyen Penguatuasaan Hutan JPNPk dan juga perunding yang telah dilantik.

Untuk makluman, operasi Penguatuasaan SMART Patrol kali ini bertujuan untuk menguji penggunaan Data Model SMART yang baharu yang telah diperkemaskini selari dengan keperluan Jabatan. Antara objektif operasi adalah untuk mempraktikkan penggunaan sistem SMART dalam operasi ini yang telah dikemaskini dan mendapatkan maklumbalas penggunaan sistem SMART daripada pegawai lapangan. Satu pasukan Elite



Gambar 1, 2, 3, 4 dan 5 : Antara aktiviti yang dilakukan di lapangan semasa Operasi Penguatuasaan SMART Negeri Perak Bil. 1/2023





Team SMART Petrol JPNPk telah diwujudkan dengan peranan seperti sebagai Pegawai Rujuk mengenai sistem SMART di daerah/seksyen masing-masing, menyelaras pengendalian sistem SMART bagi kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan di dalam HSK Negeri Perak, menyelaras pengemaskinian maklumat-maklumat yang telah dibangunkan, membuat semakan pada laporan-laporan yang diterima dan menyerahkan laporan kepada PHD/ Ketua Seksyen. Keanggotaan pasukan Elite Team ini adalah daripada kalangan pegawai dan kakitangan Seksyen Penguatkuasaan Hutan, Penolong Pegawai Hutan Daerah dan kakitangan di lapangan.



Antara penemuan yang ditemui semasa operasi dilaksanakan di lapangan adalah terdapat jentera yang tidak di daftarkan, peralatan bahaya tidak ditempatkan di stor dan dilabelkan sebagai bahaya dan kesalahan di dalam kawasan usahasil.



Operasi berakhir dengan penyediaan laporan operasi bersama perunding yang dilantik dan pembentangan laporan Operasi SMART Bil 1/2023 pada 6 September 2023.

Gambar 6 dan 7 : Taklimat dan perbincangan semasa Operasi Penguatkuasaan SMART Negeri Perak Bil. 1/2023

OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN DI HUTAN SIMPAN BINTANG HIJAU, HULU PERAK

Disediakan oleh: Muhammad Qayyum bin Muhamad Suhaimi

Seksyen Penguatuasaan Hutan

HULU PERAK, 23 SEPTEMBER 2023

JPNPk dengan kerjasama lima (5) agensi Kerajaan iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk), Bridged Pasukan Gerakan Am (PGA), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Perak, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Perak (SPRM) telah berjaya melaksanakan Operasi Bersepadu Penguatuasaan di Hutan Simpan Bintang Hijau, Hulu Perak bagi pemusnahan kawasan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) haram di sekitar sebahagian kompartmen 345 dan 346, Hutan Simpan Bintang Hijau, Hulu Perak. Operasi Bersepadu ini dijalankan selama tiga (3) hari bermula 20 hingga 23 September 2023 melibatkan 66 orang kakitangan daripada semua agensi yang terlibat.

Operasi bersepadu ini memfokuskan pemusnahan kawasan yang telah diceroboh untuk dijadikan kawasan perlombongan NR-REE. Kawasan ini ditemui adalah hasil daripada risikan dan maklumat awal yang dijalankan oleh Seksyen Penguatuasaan Hutan serta pasukan penguatuasaan di Pejabat Hutan Daerah.

Antara penemuan yang terdapat di lokasi adalah melibatkan 10 kolam pemprosesan, laluan paip, kongsi pekerja yang dianggarkan muatan 30 orang. Keluasan kawasan yang diterokai adalah seluas lebih kurang 33.15 hektar. Kesemua binaan dan kolam telah dimusnahkan selama tiga (3) hari operasi ini berjalan. Paip telah dipotong untuk mengelakkan digunakan semula manakala terdapat 800 guni *Ammonium Sulfate* telah dibawa keluar untuk dimusnahkan kerana merupakan racun kawalan.

JPNPk akan sentiasa komited dalam menguatuasa Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 bagi membendung aktiviti kesalahan hutan dalam kawasan HSK.



Gambar 1, 2, 3 dan 4 : kongsi utama, laluan paip, kawasan boring dan longgokan *Ammonium Sulfate* di kawasan Operasi Bersepadu





Gambar 5 : longgokan Ammonium Sulfate di bawa keluar untuk dimusnahkan



Gambar 6 : Timbalan Pengarah (Operasi) JPNPk memberikan taklimat kepada semua peserta yang terlibat sebelum Operasi Bersepadu bermula



PROGRAM MALAYSIA MOUNTAIN TRAIL FESTIVAL (MMTF) EDISI KE-6 ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DENGAN KERJASAMA MMTF CONSULTANT

Disediakan oleh: Siti Aisyah binti Yaacob
Seksyen Hutan Lipur dan Eko Pelancongan
TAIPEI, 02 – 05 NOVEMBER 2023

JPNPk dengan kerjasama MMTF Consultant telah berjaya menganjurkan Program *Malaysia Mountain Trail Festival* (MMTF) Edisi ke-6 pada 2 hingga 5 November 2023 yang melibatkan penggunaan laluan denai di sekitar Hutan Simpan Bukit Larut, Daerah Larut dan Matang. MMTF ini merupakan Festival Larian yang diiktiraf di peringkat Antarabangsa yang mempertandingkan pelbagai kategori larian pada setiap tahun dan terbuka kepada penyertaan peserta dari dalam dan luar negara. Pengajuran program ini adalah bertujuan untuk memanfaatkan fungsi serta peranan hutan dengan memperkenalkan tarikan sukan larian denai hutan yang bertaraf antarabangsa sebagai produk baharu di Daerah Larut dan Matang dan secara tidak langsung dapat mencetus gelombang pelancongan berdasarkan alam sekitar.

Pada tahun 2023, sebanyak empat (4) kategori larian telah dipertandingkan yang mana terdiri daripada kategori 13 km, 25 km, 50 km dan 100 km. Pengajuran MMTF Edisi ke-6 ini telah berjaya dilaksanakan dengan komitmen tinggi dan kerjasama di antara Jabatan Perhutanan Negeri Perak, MMTF Consultant dan Agensi / Jabatan Daerah dan Negeri. Program MMTF tahun 2023 ini melibatkan penyertaan seramai 2,854 orang peserta dari 34 buah negara. Program MMTF ini telah dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Azman Bin Hashim, mantan Pengurus Ambank Group.

Di dalam mempamerkan sokongan di terhadap pembangunan semula sektor sukan dan pelancongan negara, JPNPk akan berusaha untuk meneruskan pengajuran Program larian ini secara tahunan dan menjadikannya sebagai produk tarikan baharu bagi Negeri Perak dan didaftarkan di dalam Kalendar Pelancongan Tahunan Negeri Perak.



Gambar 1 : Sesi penyampaian hadiah kepada semua pemenang bagi Program Malaysia Mountain Trail Festival (MMTF)





Gambar 2 : Sekitar Program Malaysia Mountain Trail Festival (MMTF)

PEMANTAUAN UDARA DALAM MELAKSANAKAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN HUTAN BAGI DAERAH HUTAN HULU PERAK, KUALA KANGSAR, LARUT DAN MATANG, KINTA/ MANJUNG DAN PERAK SELATAN

Disediakan oleh: Muhammad Qayyum bin Muhamad Suhaimi

Seksyen Pengawatan Hutan

IPOH, 15 NOVEMBER 2023

JPNPkt telah melaksanakan aktiviti pengawatan hutan melalui pemantauan udara di Daerah Hutan Hulu Perak, Kuala Kangsar, Larut dan Matang, Kinta/ Manjung dan Perak Selatan pada 14 hingga 15 November 2023. Dalam aktiviti pengawatan ini seramai dua (2) orang kakitangan setiap daerah mengambil bahagian melibatkan tiga (3) sesi pemantauan.



Gambar 1, 2 : Rebakan tanah di jalur pendakian Gunung Liang



Gambar 3 dan 4 : Kawasan bekas perlombongan haram NR-REE di Hutan Simpanan Kekal Sungai Piah, Daerah Kuala Kangsar





Setiap sesi pemantauan udara melibatkan semakan di 10 lokasi hotspot yang berisiko menjadi kawasan pencerobohan atau penerokaan dalam HSK. Antara yang ditemui adalah rebakan tanah di jalur pendakian Gunung Liang, Hutan Simpan Behrang, Daerah Hutan Perak Selatan dan Pemantauan di kawasan perlombongan haram NR-REE, Hutan Simpan Piah, Daerah hutan Kuala Kangsar.



Gambar 5 dan 6 : Kakitangan Jabatan Perhutanan yang terlibat dalam pemantauan udara

MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Disediakan oleh: Mis Maizura binti Amat Kaulan
Seksyen Silvikultur dan Kepelbagai Biologi
TAMAN EKO RIMBA KUALA WOH, 8 DISEMBER 2023



Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diadakan pada 8 Disember 2023 bertempat di Taman Eko Rimba Kuala Woh, Daerah Perak Selatan. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak. Majlis ini turut dihadiri oleh Encik Othman bin Deris, Timbalan Pengarah (Pembangunan), Encik Azni Rahman bin A. Wahid (Timbalan Pengarah (Operasi) dan pegawai-pegawai kanan serta kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Perak ini diadakan adalah bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk memelihara dan memulihara hutan di Negeri Perak bagi memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat. Pada program



ini juga, YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Pengarah Perhutanan Negeri Perak telah menyampaikan sumbangan anak pokok buah-buahan kepada Ketua Kampung Orang Asli di sekitar Jalan Pahang, Tapah.

Seramai 300 jemputan telah menghadiri majlis sambutan ini dan YBhg. Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf telah menanam Pokok Chengal (*Neobalanocarpus heimii*). Program ini turut diadakan bagi menyokong Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang menyasarkan 10 juta pokok akan berjaya ditanam di seluruh Negeri Perak menjelang tahun 2025.



LAWATAN MENTERI NRES DI NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Nihayatul Nabilah binti Sabri

Seksyen Ladang Hutan & Inovasi

HUTAN SIMPAN KLEDANG SAIONG, 17– 18 DISEMBER 2023

Pada 17 hingga 18 Disember 2023 telah diadakan sesi lawatan oleh YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ke Negeri Perak bagi mendengar Taklimat Projek Pembangunan Ladang Hutan di Negeri Perak (Hutan Simpan Kledang Saiong), sesi lawatan ke Galeri Lenggong Geopark, sesi lawatan ke Tapak Projek Perintis Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) REE di Kenering serta lawatan ke Taman Eko Rimba Lata Kekabu di Lenggong, Perak.

Program pada hari pertama dimulakan dengan taklimat berkaitan Projek Pembangunan Ladang Hutan di Hutan Simpan Kledang Saiong, Negeri Perak yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Pengarah Perhutanan Negeri Perak pada 17 Disember 2023 di Bilik Taklimat, Hotel Casuarina Kuala Kangsar. Dalam taklimat tersebut JPNPK akan memastikan kelulusan permit penggunaan bagi Projek Pembangunan Ladang Hutan hanya berada di dalam Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) yang telah diluluskan. Selain itu JPNPK komited untuk menguruskan HSK mengikut amalan pengurusan hutan secara berkekalan berdasarkan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Projek Pembangunan Ladang Hutan di Hutan Simpanan Kekal akan meningkatkan bekalan sumber kayu kayan pada masa hadapan dan menjana ekonomi negara, serta memelihara alam sekitar dengan mengurangkan pergantungan terhadap Hutan Asli.



Taklimat berkaitan Projek Pembangunan Ladang Hutan di Hutan Simpan Kledang Saiong, Negeri Perak di Bilik Taklimat, Hotel Casuarina Kuala Kangsar.

Program diteruskan pada 18 Disember 2023, YB Menteri dan delegasi lawatan bergerak ke Galeri Lenggong Geopark. Terdapat dua (2) insiden penting yang berjaya dirakam di Lenggong Geopark iaitu letusan meteorit 1.83 juta tahun lepas dan kesan letusan gunung berapi Toba, Sumatera 75,000 tahun yang lalu. Ketika letusan meteorit melanda Lenggong, telah ada penggunaan peralatan orang batu di sana. selain itu, ditemui rangka Perak Man (11,000 tahun lalu) dan Perak Woman (8,000 tahun lalu) di lenggong perak. Penerangan yang diberikan oleh ahli arkeologi- geologi terkenal iaitu Prof Mokhtar Saidin.



Penerangan oleh Prof Mokhtar Saidin ketika lawatan YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan delegasi di Galeri Lenggong Geopark

Seterusnya, lawatan YB Menteri dan delegasi ke tapak perlombongan haram NR-REE di Hutan Simpan Bintang Hijau, Daerah Hutan Hulu Perak. Delegasi meneruskan lawatan ke tapak Projek Perintis Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Kenering. Sebelum lawatan tersebut berakhir, delegasi bergerak ke Taman Eko Rimba Lata Kekabu di Lenggong, Perak dan diteruskan dengan aktiviti penanaman spesies pokok Keruing Neram (*Dipterocarpus oblongifolius*).



Timbalan Pengarah (Operasi) JPNPk bersama YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melawat kawasan tapak perlombongan haram NR-REE di Hutan Simpan Bintang Hijau, Mukim Lawin, Daerah Hutan Hulu Perak.



YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melawat kawasan tapak perlombongan haram NR-REE di Hutan Simpan Bintang Hijau, Mukim Lawin, Daerah Hutan Hulu Perak.



Kawasan Tapak Projek Perintis Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) di Kenering



Aktiviti penanaman spesies pokok Keruing Neram (*Dipterocarpus oblongifolius*) di Taman Eko Rimba Lata Kekabu di Lenggong, Perak

LAWATAN TEKNIKAL **CONSERVATION ASSURED | TIGER STANDARDS (CA|TS)** KE HUTAN SIMPAN AMANJAYA, HUTAN SIMPAN BANDING, HUTAN SIMPAN GERIK DAN HUTAN SIMPAN TEMENGOR

Disediakan oleh: Azhar bin Anuar
Seksyen Perancangan dan Pengurusan Hutan
GERIK, 18–21 DISEMBER 2023

Conservation Assured Tiger Standards (CA|TS) merupakan skim akreditasi antarabangsa yang diperkenalkan bagi memperkuatkan pengurusan kawasan habitat harimau yang efektif serta merangkumi standard dan kriteria asas bagi perlindungan spesis yang ikonik dan penting ini di samping dapat memperkuatkan tahap komitmen dalam usaha melindungi harimau. Matlamat utama skim akreditasi CA|TS ini adalah untuk membantu menstabilkan dan meningkatkan populasi harimau.

Kerajaan Negeri Perak telah mengambil langkah proaktif dalam usaha menyokong konservasi harimau melalui pelaksanaan *Conservation Assured Tiger Standards (CA|TS)* di negeri Perak. Selaras dengan itu, Taman Negeri Royal Belum (TNRB) telah menerima akreditasi CA|TS pada April 2023. Lanjutan itu, pelaksanaan

CA|TS telah dicadangkan untuk dilaksanakan di Hutan Simpan (HS) Amanjaya, HS Banding, HS Gerik dan HS Temengor setelah menilai rekod kehadiran Harimau Malaya di kawasan-kawasan Hutan Simpan tersebut walaupun telah dikelaskan sebagai hutan pengeluaran.

Sehubungan dengan itu, dua lawatan teknikal juga telah diadakan sebagai persiapan ke arah pendaftaran tapak-tapak CA|TS tambahan di Negeri Perak ini. Lawatan teknikal yang pertama telah diadakan dari 5 hingga 11 Mac 2023 yang bertumpu kepada beberapa tapak CA|TS yang telah menerima akreditasi di India sebagai negara yang mempunyai bilangan tapak CA|TS yang paling tinggi. Selain daripada perbincangan bersama pihak National Tiger Conservation Authority (NTCA) dan Global Tiger Forum (GTF), tapak-tapak yang telah dilawati adalah *Landsdowne Forest Division, Ramnagar Forest Division* dan Jim Corbett National Park.

Pada 18 Disember hingga 21 Disember 2023 pula, satu lagi lawatan teknikal yang diselaraskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK) dengan kerjasama WWF-Malaysia telah dilaksanakan bagi memberi gambaran mengenai Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di Negeri Perak khususnya melibatkan beberapa hutan simpan seperti Hutan Simpan Amanjaya, Hutan Simpan Banding, Hutan Simpan Gerik dan Hutan Simpan Temengor di Daerah Hulu Perak yang akan didaftarkan dalam akredetasi CA|TS ini dan ada di antara kawasan tersebut yang melibatkan kawasan pengeluaran. Lawatan ini dihadiri oleh pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM),



Penerangan berkaitan pengoperasian ‘War Room’
Jabatan Perhutanan Negeri Perak





Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Negeri Perak (PERHILITAN) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), YBrs. Dr. Sivanathan Elagupillay (Global Tiger Forum Honorary Member), pihak WWF-Malaysia serta pakar CA|TS daripada India iaitu YBrs. Dr. Joydeep Bose (Pengurus CA|TS), Encik Arun Kumar (wakil Global Tiger Forum-GTF) dan Encik Pawan Kumar (Pemerhati Bebas CA|TS dan bekas Ketua Konservator Utama Hutan India) bertujuan untuk berbincang dan memberi penilaian teknikal ke atas cadangan pelaksanaan CA|TS di HS Amanjaya, HS Banding, HS Gerik dan HS Temengor. Antara lokasi lawatan teknikal ini ialah ‘War Room’ JPNPK, Rangkaian ekologi Central Forest Spine A PL 1 (HS Temengor – HS Amanjaya – HS Belum), Tapak Semaian Tropical Rainforest Conservation & Research Centre-TRCRC, projek Perhutanan Sosial di RPS Air Banun,Taman Eko Rimba Pulau Tali Kail dan kawasan pengusahaan di Hutan Simpan Gerik.

Hasil penilaian awal daripada pakar-pakar tersebut telah memberikan penilaian teknikal yang positif. Susulan itu, kini JPNPK dalam proses memuktamadkan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk pendaftaran kawasan-kawasan tambahan yang berpotensi untuk menerima dan melaksanakan akreditasi CA|TS ini.



Demonstrasi perolehan bahan tanaman melalui aktiviti memanjang pokok sempena program (CA|TS)



Perbincangan dan rumusan lawatan teknikal Conservation Assured | Tiger Standards (CA|TS) Ke Hutan Simpan Amanjaya, Hutan Simpan Banding, Hutan Simpan Gerik Dan Hutan Simpan Temengor




PERISTIWA 2023

125

KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA YDP PERKSPER 2023

16 JANUARI 2023



LAWATAN KERJA YBHG DATO' PENGARAH
PERHUTANAN NEGERI PERAK KE KAWASAN
YANG MEMPUNYAI NILAI PEMULIHARAAN
YANG TINGGI (HCVA) PULAU KELUMPANG,
DAERAH LARUT MATANG, TAIPING
17 JANUARI 2023



LAWATAN KERJA JABATAN
PERHUTANAN NEGERI PERAK KE
ROMPIN, PAHANG
3 – 6 FEBRUARI 2023



**LATIHAN MENEMBAK JABATAN
PERHUTANAN NEGERI PERAK
23 FEBRUARI 2023**



**KEJOHANAN BOLA TAMPAR PIALA
YDP PERKSPER 2023
24 FEBRUARI 2023**



**MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PEJABAT BARU TAMAN EKO RIMBA
ULU KENAS, MANONG, KUALA KANGSAR**
27 FEBRUARI 2023



**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG TAHUN 2022 DAN
APRESIASI PESARA TAHUN 2023
28 FEBRUARI 2023**



**MAJLIS JASAMU DI KENANG YBHG. DATO'
MOHAMED ZIN BIN YUSOP, PENGARAH
PERHUTANAN NEGERI PERAK
28 FEBRUARI 2023**



**MAJLIS MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN
PERAK DARUL RIDZUAN SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**
2 MEI 2023



**LAWATAN KERJA SETIAUSAHA
KERajaan Negeri Perak Ke
Kawasan Pengusahaan Di
Hutan Simpan Bintang Hijau,
Daerah Kuala Kangsar
17 JUN 2023**



**PENGANJURAN PROGRAM PEMULIHAN
PAYA BAKAU SEBAGAI HABITAT PEMBIAKAN
IKAN OLEH JABATAN PERIKANAN NEGERI
PERAK DENGAN KERJASAMA JABATAN
PERHUTANAN NEGERI PERAK
18 JULAI 2023**



**PROGRAM KEBERANGKATAN DYAM RAJA ISKANDAR DZURKARNAIN IBNI
ALMARHUM SULTAN IDRIS A'FIFULLAH SHAH RAJA DI HILIR PERAK DARUL
RIDZUAN KE TAMAN EKO RIMBA PULAU TALI KAIL, DAERAH HULU PERAK
3 OGOS 2023**



**PROGRAM “TEAMING WITH PASSION –
TIME TO LOVE NATURE” PEJABAT HUTAN
DAERAH PERAK SELATAN
23-24 SEPTEMBER 2023**



**AUDIT PENSIJILAN SEMULA
MC&I SFM DI FMU PERAK
2-6 OKTOBER 2023**



**KURSUS PENGENDALIAN HAIWAN
BERBISA KOMPLEKS LATIHAN SG.SIPUT
17-19 OKTOBER 2023**



**KURSUS PENGENDALIAN BOT &
TAKLIMAT KESELAMATAN BAGI JABATAN
PERHUTANAN NEGERI PERAK DI PUSAT
EKO-PELAJARAN KUALA SEPETANG
24 OKTOBER 2023**



**BENGKEL PENELITIAN PROSES
PEMATUHAN & PENGUTIPAN
PENGAMBILAN HASIL BUKAN KAYU
DI BAWAH PROJEK IC CFS
19-20 OKTOBER 2023**



**LAWATAN INDUSTRI BERASASKAN
KAYU (IBK) OLEH SARAWAK
TIMBER INDUSTRY DEVELOPMENT
CORPORATION (STIDC)
26 OKTOBER 2023**



**KURSUS TEAM BUILDING-STRATEGI
PEMERKASAAN PASUKAN & MEMBINA
KESERASIAN DALAM PASUKAN KERJA BAGI
KAKITANGAN PHDLM DI PULAU PANGKOR
27-29 OKTOBER 2023**



**KURSUS PROSEDUR BALAI
PEMERIKSAAN HUTAN JPNP^k
BERTEMPAT DI BPH TETAP SUNGAI
SIPUT (U)
1 NOVEMBER 2023**



**LARIAN THE NORTH FACE MALAYSIA
MOUNTAIN TRAIN FESTIVAL (MMTF)
2023 DI PADANG ESPLANED TAIPING
3-5 NOVEMBER 2023**



**PROGRAM KEBERANGKATAN DULI YANG AMAT MULIA RAJA
ISKANDAR DZURKARNAIN IBNI ALMARHUM SULTAN IDRIS
A'FIFULLAH SHAH RAJA DI HILIR PERAK DARUL RIDZUAN
KE LOWER TASIK TEMENGGOR DAN BERADU DI TAMAN EKO
RIMBA PULAU TALI KAIL, DAERAH HULU PERAK
14-16 NOVEMBER 2023**



**KURSUS PEMANTAPAN JATI DIRI DALAM PASUKAN KERJA
BAGI KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH KINTA/MANJUNG
DI EMBUN RESORT @ LAKE SAHOM
15-16 NOVEMBER 2023**



**PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN DAN KESERASIAN TEAM
BUILDING PEJABAT HUTAN DAERAH PERAK SELATAN TAHUN 2023**
16-17 NOVEMBER 2023



**MESYUARAT AGONG
TAHUNAN PUSPANITA JKNPK
SESI 2023/2024
1 DISEMBER 2023**



**TAKLIMAT MENGENAI KELULUSAN
LADANG HUTAN DI HUTAN SIMPAN
KLEDANG SAIONG KEPADA YB MENTERI
SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
17 DISEMBER 2023**



**AUDIT VERIFIKASI PENSIJILAN SEMULA PENGURUSAN HUTAN
MALAYSIA CRITERIA AND INDICATORS FOR SUSTAINABLE FOREST
MANAGEMENT (MC&I SFM) DI FMU PERAK**
13 DISEMBER 2023



KERATAN AKHBAR

□

143

2023

LIPUTAN AKHBAR



Perak warta lebih 900 hektar Hutan Simpan Kekal baharu

IPOH - Kerajaan Negeri Perak telah membuat pewartaan baharu kawasan seluas 915.25 hektar sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) di negeri ini pada tahun 2022.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, inisiatif tersebut dilakukan bagi mengekalkan kawasan berhutan negeri Perak sekurang-kurangnya 50 peratus seiring dengan pembangunan negeri. Jelasnya, usaha pewartaan tanah kerajaan yang telah dikenal pasti dan diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai HSK seluas lebih kurang 5,507 hektar akan diteruskan Jabatan Perhutanan negeri bersama Pejabat Tanah dan Galian negeri.

"HSK di Perak telah diberi pengiktirafan Malaysia Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management Certification selain Sustainable Forest Management di bawah Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS) "Pensijilan Pengurusan Hutan yang diiktiraf antarabangsa ini menunjukkan bahawa sumber hutan di negeri ini telah diuruskan dengan cekap, terbaik atau Best Forest Practices yang menumpukan penekanan seimbang terhadap penstabilan alam sekitar, ekologi, biodiversiti, sosial dan ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Executive Talk dan Perutusan Tahun Baharu 2023 di sebuah hotel di sini pada Khamis.

Menurut Saarani, walaupun pihaknya berdepan kritikan berkaitan kegiatan penerokaan alam bagi tujuan ekonomi, namun Perak konsisten dengan pendirian untuk memastikan sebarang program pembangunan ekonomi yang dilaksanakan perlu lebih bertanggungjawab memulihara sumber asli dan khazanah negeri.

Jelasnya, beberapa langkah pemuliharaan alam sekitar yang sedang dilaksanakan akan terus diperkuuhkan antaranya memperhebatkan inisiatif konservasi termasuk penanaman pokok bakau sebagai pertahanan semula jadi selain penanaman semula hutan yang perlu dilakukan secara sistematis.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga akan menyebarluaskan inisiatif teknologi hijau, memantapkan inisiatif Waste To Energy (WTE) serta meningkatkan langkah penguatkuasaan berkaitan perlindungan alam sekitar.



Saarani (dua dari kanan) menghadiri Majlis Executive Talk dan Perutusan Tahun Baharu 2023 di sebuah hotel di sini pada Khamis.- Foto SUK Perak

LIPUTAN AKHBAR



Ladang hutan: MB Perak sembah maklum kepada Sultan Nazrin

IPOH - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah disembah maklum berhubung isu projek pembangunan ladang hutan di Hutan Simpan Kekal (HSK) Kledang Saiong, Kuala Kangsar.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, menerusi sembah maklum kepada baginda, pihaknya menjelaskan pelaksanaan pembangunan ladang hutan di kawasan tersebut mengikut peraturan ditetapkan.

Menurutnya, pembangunan ladang hutan memang dibenar untuk dilaksanakan sehingga 100,000 hektar tetapi kerajaan negeri Perak hanya membenarkan kawasan seluas 32,000 hektar untuk projek tersebut "Di HSK Kledang Saiong itu sebelum ini sudah ada ladang hutan yang dibuat, jadi ini bukanlah perkara yang di luar jangka atau pelik berlaku. Kena ingat isu yang sedang dihebohkan ini melalui proses pendengaran awam jadi orang ramai boleh memberi maklum balas kepada kerajaan negeri."

"Kita pun tertakluk kepada keputusan EIA (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar) Jabatan Alam Sekitar. Jika Jabatan Alam Sekitar mengatakan ia tak boleh dibuat kerana risiko banjir, kita tak buatlah. Takkun kita nak langgar, tapi kalau tak ada, kita boleh teruskan," katanya kepada pemberita.



Saarani (dua dari kiri) menyempurnakan penanaman pokok sempena Majlis Perasmian Sistem Amaran Awal Kepala Air dan Kick-off Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Bagi Tahun 2023 di Taman Eko Rimba Kledang Saiong, Bandar Meru Raya di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Sistem Amaran Awal Kepala Air dan Kick-off Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Bagi Tahun 2023 di Taman Eko Rimba Kledang Saiong, Bandar Meru Raya di sini pada Isnin.

Saarani berkata, hanya 6,000 hektar kawasan baki terakhir yang telah diluluskan pada tahun lalu untuk dibenarkan bagi tujuan projek pembangunan ladang hutan tersebut. "Saya ingat Perak ini di antara negeri yang terbaik dari segi pengurusan hutan. Kita tidak melebihi kuota yang dibenarkan dan kita buat secara berhemah, ikut peraturan, ikut prosedur.

"Saya faham NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) punya perasaan. Kita cuba sedaya upaya untuk tidak menjadikan projek ladang hutan ini menjadikan negeri kita hilang hutan dan sebagainya, semua proses kita ambil kira," katanya.

Sementara itu dalam ucapan pada majlis berkenaan, Saarani menjelaskan kerajaan negeri menyasarkan sejumlah 10 juta pokok atau 2 juta pokok setahun ditanam di seluruh negeri sepanjang lima tahun tempoh pelaksanaannya bermula pada tahun 2021.

Jelasnya, pada tahun 2021, kerajaan negeri berjaya menanam melebihi sasaran iaitu 2.17 juta pokok dengan keluasan 5,568.01 hektar diikuti 2.33 juta pokok pada tahun 2022 dengan keluasan 6,152 hektar di seluruh Negeri Perak.

Pada 17 Februari lalu, lapan NGO menyerahkan memorandum bantahan cadangan projek pembangunan ladang hutan berkeluasan 4,280 hektar di HSK Kledang Saiong kepada wakil Pejabat Sultan Perak.

Memorandum ditandatangani 150 orang itu diserahkan di luar pekarangan Pejabat Sultan Perak di Bukit Chandan, di sini bagi memohon campur tangan Sultan Nazrin agar projek ladang monokultur itu dibatalkan.

Memorandum tersebut melibat Pertubuhan Komuniti Sejahtera Aman Perak, Sahabat Alam Malaysia, Pertubuhan Sahabat Ekologi Perak, Persatuan Aktivis Sahabat Alam, Pemerhati Lembah Kinta, Jawatankuasa Bertindak Kampung Rambai Tujuh, Parti Hijau Malaysia dan Parti Sosialis Malaysia.

LIPUTAN AKHBAR

**astro
AWANI**

Oleh AMIRRUL RABBANI

27 Februari 2023 15:05 MYT

Ladang Hutan Kledang Saiong: Saarani sudah sembah maklum kepada Sultan Perak

IPOH: Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad telah menyembah maklum kepada Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berhubung isu projek pembangunan ladang hutan di Hutan Simpan Kekal (HSK) Kledang Saiong, Kuala Kangsar.

Katanya menerusi sembah maklum tersebut, kerajaan negeri menjelaskan pelaksanaan pembangunan ladang hutan di kawasan seluas lebih 4,000 hektar itu dijalankan secara berhemah dan mengikut peraturan.

“Selain daripada HSK Kledang Saiong, sebelum ini juga sudah ada projek ladang hutan yang dibuat. Jadi ia bukan perkara luar subjek atau luar jangka.

“Kena ingat, perkara yang sedang dihebohkan ini adalah kerana ia sedang melalui proses pendengaran awam. Jadi orang ramai boleh memberi pandangan balas kepada kerajaan negeri (berhubung projek ladang hutan itu). Malah, projek itu juga tertakluk kepada keputusan EIA (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar) Jabatan Alam Sekitar.

“Jika Jabatan Alam Sekitar mengatakan ia tak boleh dibuat kerana risiko banjir misalnya, kita tak buatlah. Takkannya nak langgar? Tetapi kalau tak ada (sebarang risiko alam sekitar dan disahkan Jabatan Alam Sekitar), kita boleh teruskan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Majlis Perasmian Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) Dan Kick-off Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 juta pokok



Saarani Mohamad (dua, kanan) ketika hadir pada Majlis Perasmian Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) dan Kick Off Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Bagi Tahun 2023 di Taman Eko Rimba Kledang Saiong hari ini. - Astro AWANI

2023 di Taman Eko Rimba Kledang Saiong, di sini pada Isnin.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim, barisan Exco, serta Pengarah Jabatan Perhutanan Perak, Datuk Mohamed Zin Yusop.

Selain itu, jelas Saarani sebelum ini Perak mendapat kelulusan daripada Persekutuan bagi projek pembangunan ladang hutan di HSK berkeluasan 100,000 hektar namun ia telah dikurangkan beberapa kali sehingga kepada 32,000 hektar.

Tambahnya angka keluasan projek ladang hutan itu kemudian terus dikurangkan kepada 6,000 hektar pada tahun lalu.

“Kena faham apa prosedur yang kita lalui dan kita cuba sedaya upaya untuk tidak menjadikan projek ladang hutan ini untuk menjadikan negeri kita ‘botak’ disebabkan kehilangan hutan.

“Ia adalah proses penanaman semula yang mana kita juga mengambil kira pelbagai faktor. Kita tidak ‘cuci bersih’ semua 6,000 hektar itu sebaliknya ia dibuat secara berperingkat mengikut petak keluasan yang ditetapkan,” jelasnya lagi.

Saarani sebelum itu diminta mengulas berkenaan tindakan enam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang memohon campur tangan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah terhadap cadangan pelaksanaan pembangunan ladang hutan seluas 4,280 hektar di Hutan Simpan Kledang Saiong.

Pada 17 Februari lalu, memorandum yang ditandatangani 150 orang itu diserahkan kepada wakil Pejabat Sultan Perak di Kuala Kangsar bagi memohon campur tangan Sultan Perak agar projek ladang monokultur itu dibatalkan.

Dalam perkembangan sama Saarani berkata Perak menyasarkan sebanyak 10 juta pokok atau 2 juta pokok setahun dapat ditanam di seluruh negeri bagi tempoh lima tahun, yang bermula pada tahun lalu.

Katanya pada tahun 2021, kerajaan negeri berjaya mencapai sasaran iaitu menanam 2.17 juta pokok dengan keluasan 5,568.01 hektar manakala, sejumlah 2.33 juta pokok telah berjaya ditanam dengan keluasan 6,152 hektar di seluruh negeri bagi tahun 2022.

LIPUTAN AKHBAR

**Utusan
Malaysia**

Oleh SAYED HESHAM IDRIS

27 Februari 2023 2:42 pm

Pelancaran Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 juta Pokok bagi tahun 2023

IPOH: Kerajaan negeri sudah menyembah maklum kepada Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah mengenai cadangan pembangunan ladang hutan seluas 4,280 hektar di Hutan Simpan Kledang Saiong di Kuala Kangsar selepas beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyatakan kebimbangan terhadap kemasuhan hutan disebabkan projek tersebut.

Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, beliau telah menyembah maklum kepada baginda mengenai projek tersebut yang dilaksanakan mengikut peraturan. Menurutnya, projek ladang hutan itu tidak dilaksanakan sewenang-wenangnya malah mendapat kebenaran daripada menteri yang berkenaan.

“Saya telah menyembah maklum kepada tuanku sultan apabila ada NGO yang menghantar (memorandum memohon Sultan Perak campur tangan) ke istana. Jadi saya sudah sembah maklum kepada baginda projek ini bukan perkara di luar peraturan.

“Perkara ini berlaku sebab ia melalui proses public hearing, jadi orang ramai boleh memberi pandangan balas kepada kerajaan negeri sedangkan projek itu tertakluk kepada EIA (laporan penilaian impak alam sekitar) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Jika JAS kata tak boleh kerana risiko banjir contohnya, kita tak buat, tak kan kita nak buat? tak kan kita nak langgar?.

“NGO ini saya faham sebab itu perasaan dia, tapi dalam masa yang sama NGO kena faham apa prosedur yang kita lalui. Kita cuba sedaya upaya untuk tidak menjadikan projek ladang menyebabkan hutan kita botak atau kita hilang hutan, sebab ini adalah replanting, semua proses kita ambil kira, bukan terus guna bulldozer cuci bersih hutan,” katanya.

Beliau berkata kepada pemberita pada perasmian sistem amaran awal Kepala Air dan kick-off Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 juta Pokok bagi tahun 2023 di Taman Eko Rimba Kledang Saiong di sini hari ini. Menurutnya, berdasarkan peraturan, Perak dibenarkan melaksanakan projek ladang hutan sehingga keluasan 100,000 hektar tapi sudah dikurangkan kepada 32,000 hektar.



SAARANI Mohamad (tiga dari kanan) menyiram pokok yang beliau tanam pada Pelancaran Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 juta Pokok bagi tahun 2023 di Taman Eko Rimba Kledang Saiong di Ipoh hari ini. - UTUSANMUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Beliau berkata, malah selepas kerajaan Persekutuan umumkan tiada lagi projek ladang hutan, Perak hanya mempunyai baki 6,000 hektar sahaja iaitu yang terakhir diluluskan dengan kebenaran menteri.

“Selain daripada projek ladang hutan di Kledang Saiong itu, sebelum ini sudah ada dibuat, jadi ia bukan perkara di luar jangka atau perkara pelik.

“Kita teruskan sebab projek itu adalah penanaman kembali hutan. Hutan yang telah kosong, iaitu hutan yang telah dibalak sebelum ini atau hutan tua, jika tidak ditanam semula akhirnya ia akan pupus,” katanya.

Sebelum ini, enam NGO menyerahkan memorandum kepada Sultan Perak bagi memohon campur tangan baginda berkaitan projek ladang hutan seluas 4,280 hektar di Hutan Simpan Kekal (HSK) Kledang Saiong di Kuala Kangsar.

Penyerahan memorandum itu dibuat ekoran kebimbangan terhadap cadangan pelaksanaan pembangunan ladang hutan di HSK yang diluluskan oleh kerajaan negeri kerana pembangunan ladang monokultur berskala besar itu dilihat akan memusnahkan litupan hutan asal melalui amalan pengusahaan secara tebang habis

2023

LIPUTAN AKHBAR

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHAMED NOR

27 Februari 2023 2:10 pm

Perak mahu tanam 2.5 juta pokok tahun ini

IPOH – Kerajaan negeri Perak mahu menanam kira-kira 2.5 juta pokok tahun ini iaitu melebihi sasaran dua juta pokok setahun sebagaimana yang disasarkan sebelum ini.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, kerajaan negeri sebelum meletakkan sasaran untuk menanam sebanyak 10 juta pokok atau dua juta pokok setahun di seluruh negeri.

Katanya, tempoh pelaksanaan bagi program penghijauan tersebut adalah selama lima tahun bermula 2021.

“Alhamdulillah pada tahun 2021, kita telah mencapai sasaran menanam 2.17 juta pokok dengan keluasan 5,568.01 hektar, manakala jumlah penanaman pada tahun lalu ialah 2.33 juta pokok dengan keluasan 6,152 hektar di seluruh negeri.

“Kita harap dapat melepassi sasaran tersebut iaitu kira-kira 2.5 juta pokok pada tahun ini,” katanya pada sidang akhbar di Taman Eko Rimba Kledang Saiong sini hari ini.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Perasmian Sistem Amaran Awal Kepala Air (EWS) dan Kick-Off Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bagi Tahun 2023 di sini.

Dalam pada itu, Saarani berkata, sistem EWS yang dibangunkan dengan peruntukan RM800,000

dari Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bermatlamat untuk menjadikan taman eko rimba sebagai sebuah destinasi ekopelancongan yang selamat, selesa dan kondusif. Sistem ini telah siap dibina di dua taman eko rimba di Perak iaitu di Taman Eko Rimba Kledang Saiong dan Taman Eko Rimba Lata Iskandar.

“Kemudahan ini secara tidak langsung akan menarik minat pelancong domestik dan antarabangsa ke kawasan Taman Eko Rimba tersebut,” katanya. – KOSMO! ONLINE



Saarani (tengah) bergambar selepas merasmikan Sistem Amaran Awal Kepala Air dan Kick-Off Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman Pokok 100 Juta Bagi Tahun 2023 Taman Eko Rimba Kledang Saiong, Ipoh hari ini. - Foto MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

LIPUTAN AKHBAR

**astro
AWANI**

